

**Jilid II  
Bil. 15**



**Hari Isnin  
2hb April, 1984**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan  
1981—Pembentangan [Ruangan 2141]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 2143]**

### **USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)  
[Ruangan 2199]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,  
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR  
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,  
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,  
J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILL, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN, S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OOGIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 2hb April, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA**

**LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA ATAS AKAUN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
1981—PEMBENTANGAN**

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada satu siaran di dalam akhbar *The Straits Times* bertarikh 30hb Mac, 1984 yang memberitarkan Ketua Audit Negara berasa terperanjat kerana laporannya berkenaan dengan Kira-kira Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di atas meja mesyuarat telah apa yang dikatakan "ditarik balik". Untuk mengelakkan apa-apa salah faham dan sangkaan buruk berkenaan dengan peranan Dewan Rakyat dalam perkara ini, saya terpaksa membuat pemasyhuran ini untuk menerangkan apa yang sebenarnya telah berlaku.

Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1981 telah diterima oleh Jabatan Parlimen pada 26hb. Mac, yang lalu. Di bawah Peraturan Mesyuarat 20, Perenggan 2, "maka laporan itu hendaklah dibentangkan di atas meja mesyuarat". Pada jam 8.00 pagi besok, iaitu 27hb. Mac, Pegawai Jabatan Parlimen yang bertanggungjawab di atas susunan mesyuarat telah pun membentangkan laporan itu di atas meja mesyuarat dan dipermasukkan ke

dalam Aturan Urusan Mesyuarat sebagai Kertas Perintah No. 16 Tahun 1984.

Pada lebih kurang jam 10.30 pagi hari itu juga, Pegawai Parlimen itu telah mendapat perkhabaran dari Jabatan Perdana Menteri bahawa Laporan Ketua Audit itu sepatutnya dibentangkan dengan satu Memorandum dari Jabatan Perdana Menteri yang bersangkutan dengan Laporan Ketua Audit itu sebagai penerangan bagi beberapa perkara penting dan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengemaskan lagi peraturan-peraturan kewangan. Pada masa itu Memorandum itu belum lagi diterima oleh Jabatan Parlimen. Lepas itu, iaitu jam lebih kurang 10.40 pagi itu juga, Pegawai Parlimen itu telah mengarahkan supaya laporan audit itu dikutip balik dari meja mesyuarat dengan tujuan hendak membentangkannya semula manakala ia telah menerima Memorandum dari Jabatan Perdana Menteri. Tidak terlintas dari hatinya perbuatannya itu akan menjadi satu isu yang boleh dibesar-besarkan. Tujuannya ialah untuk membetulkan apa yang ia fikir tersilap dan ia tidak ada apa-apa niat yang tidak jujur.

Sepatutnya Jabatan Parlimen hendaklah ditanyai mengapa perkara ini telah berlaku dan kami boleh memberi penerangan dengan mudah. Kami menegaskan bahawa kami tidak diarahkan oleh Kerajaan untuk menarik balik laporan itu. Laporan itu semenjak kami menerimanya hingga sekarang adalah di dalam simpanan kami dengan tidak dipinda.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 20 (2) setelah mana-mana risalah mesyuarat telah diterima oleh Setiausaha Bagi Parlimen, maka hendaklah disifatkan bahawa risalah itu telah pun dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan diperintahkan supaya terbentang di atas Meja Mesyuarat. Oleh yang demikian, Laporan Ketua Audit Negara itu tidak ditarik balik di bawah Peraturan Mesyuarat walaupun telah dikutip daripada atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada fikiran saya Ahli-ahli berhak di bawah Peraturan ini memintanya balik dari Pejabat Parlimen, melainkan jika ada satu usul telah diluluskan oleh Dewan untuk menarik balik laporan itu. Hingga masa ini tidak ada usul itu. Oleh itu, adalah menjadi keputusan saya bahawa Laporan Audit itu tidak pernah ditarik balik. Yang demikian, saya telah mengarahkan Pegawai Parlimen yang berkenaan memberi balik laporan itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jabatan Parlimen juga telah menerima Memorandum berkenaan dengan Laporan Ketua Audit Negara itu dan telah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat pada hari ini sebagai Kertas Perintah No. 17 Tahun 1984.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC)—HASIL PERSIDANGAN DI MAGHRIBI

**1. Tuan Haji Hassan bin Mohamed** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang berlangsung di Maghribi baru-baru ini mengenai perang Iran-Iraq, perang saudara di Lebanon, perjuangan Mujahidin di Afghanistan, masalah pembebasan Palestin dan lawatan khas beliau ke Iran.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak Ke 4, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Islam yang berlangsung di Cassablanca baru-baru ini, iaitu dari 16hb. ke 20hb. Januari, 1984 merupakan satu persidangan yang amat penting sekali kepada Negara-negara Islam. Ianya berlangsung dalam suasana di mana Negara-negara Islam sedang menghadapi berbagai cabaran, bukan sahaja dari musuh-musuh Islam, iaitu Israel dan Zionisme malah juga dari keretakan perpaduan di kalangan Negara-negara Islam sendiri.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Sidang Kemuncak Islam di Cassablanca itu telah mencapai satu kejayaan yang besar, khususnya dari segi usaha memilih semua perpaduan dunia Islam, iaitu dengan kemasukan semula Mesir ke dalam OIC.

Kemasukan semula Mesir ini amatlah penting dalam rangka untuk mencapai penyelesaian terhadap segala masalah Asia Barat khususnya soal Palestin.

Mengenai peperangan Iran/Iraq pula, Jawatankuasa Damai Islam yang ditubuhkan oleh Sidang Kemuncak Islam yang Ketiga dalam tahun 1981 masih lagi menjalankan usaha mencari suatu penyelesaian kepada peperangan itu.

Sidang Kemuncak yang Keempat di Cassablanca telah sekali lagi menyeru dengan sebulat suara supaya kedua-dua buah negara itu mengadakan genjatan senjata serta mencari penyelesaian secara rundingan. Sidang Kemuncak ini telah juga mengambil keputusan untuk melanjutkan mandat Jawatankuasa Damai Islam ini supaya ianya dapat terus berusaha untuk mencari jalan ke arah penyelesaian.

Mengenai keadaan di Lubnan, Sidang Kemuncak telah mengambil perhatian berat terhadap perkembangan di

Lubnan dan menyokong segala usaha yang diambil untuk membawa kembali penyatuan dan perpaduan semua pihak di Lubnan. Sidang Kemuncak juga menggesa supaya tentera-tentera Israel berundur segera tanpa syarat dari semua wilayah Lubnan yang dicerobohnya.

Mengenai Afghnistan pula, Sidang Kemuncak Cassablanca telah melahirkan dengan sebulat suara sokongan terhadap perjuangan Mujahidin dalam menghadapi pencerobohan Soviet Union dan juga menyambut baik langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mencari satu penyelesaian.

Mengenai soal Palestin pula, Sidang Kemuncak Cassablanca telah mengesahkan dengan sebulat suara Rancangan Tindakan Geneva yang mana rancangan ini adalah sebenarnya berasaskan kepada Rancangan Tindakan Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, sukacita saya nyatakan sekali lagi bahawa rancangan tindakan ini telah dipertanggungjawabkan kepada Bangsa-bangsa Bersatu untuk dilaksanakan. Rancangan ini telah dibentangkan ke Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini dalam sesinya yang ke 38. Ianya telah mendapat sokongan sepenuhnya dari sesi tersebut. Langkah seterusnya adalah untuk membawa rancangan tindakan ini kepada Majlis Keselamatan. Sebelum ini dapat dilakukan usaha-usaha sedang diambil agar rancangan tindakan ini tidak dihalang oleh mana-mana kuasa besar atau mana-mana anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga anggota tetap Majlis Keselamatan tersebut.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa hasil lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ke Iran adalah sangat memuaskan dan sangat berfaedah kepada hubungan dua hala antara Malaysia dengan Iran.

Yang Berhormat Menteri juga telah menekankan kepada pemimpin Iran bahawa tujuan dan matlamat utama kedua-dua buah negara haruslah untuk mengekalkan hubungan baik. Ini bukan sahaja memberi kerjasama yang memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara bahkan untuk sama-sama menghadapi cabaran yang dihadapi oleh umat Islam keseluruhannya.

Dari segi ini pemimpin-pemimpin Iran telah memberi jaminan kepada kita bahawa Iran menghormati negara-negara lain sejajar dengan dasarnya tidak ingin negara-negara lain campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri.

Dalam bidang perdagangan pula, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai penggunaan minyak kelapa sawit dalam rangka untuk mendapat pasaran yang lebih luas bagi bahan ini di Iran. Kita telah menawarkan khidmat pakar-pakar dari PORIM untuk menolong dan membantu Iran dalam penggunaan minyak kelapa sawit sebagai bahan makanan. Pemimpin-pemimpin Iran telah menyatakan bahawa Iran akan mengkaji dengan lebih lanjut lagi mengenai pengimportan minyak kelapa sawit dari Malaysia.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri adakah beliau sedar bahawa semakin banyak persidangan-persidangan Islam diadakan maka kita dapati negara-negara Arab ini makin berpecah dan pula terdapat pula peperangan berterusan tanpa menemui keamanan atau menemui penyelesaian.

Jadi, apakah ini disebabkan oleh orang yang membuat keputusan itu berlainan daripada orang yang berkuasa di satu-satu tempat itu dan adakah pihak berkuasa veto di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu itu

mempunyai niat yang kurang jujur terhadap perpaduan dan juga apa yang berlaku di negara-negara Islam menyebabkan keadaan ini berterusan dan tidak akan menemui penyelesaian walaupun beberapa puluh kali persidangan Islam dan keputusan diadakan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah sedikit banyak ada kebenaran dari apa yang telah dikomen oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa masalah di dunia Islam tidaklah reda sebagaimana yang diharapkan tetapi itu bukan bermakna kita harus berhenti dari berusaha terus menerus untuk mencari penyelesaian.

Dari satu sudut memang benar juga bahawa veto yang diberi kepada anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan sedikit sebanyak melambatkan usaha kita untuk mencari berbagai-bagai penyelesaian dalam krisis dunia Islam.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan. Negara Mesir pernah dipecat daripada OIC berdasarkan kepada pengiktirafan Camp David. Sekarang ini diterima balik. Adakah dengan penerimaan ini bererti negara-negara Arab telah mengakui Camp David dan juga adakah negara-negara Arab mengakui bahawa pengaruh Yahudi tidak begitu bahaya daripada pengaruh Iran.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya minta diulang balik soalan bab kedua itu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Yang kedua maknanya penerimaan balik negara-negara Arab terhadap negara Mesir itu adakah bererti bahawa Camp David yang dianjurkan oleh Amerika dan dilaksanakan oleh Yahudi ini tidak begitu bahaya besarnya berbanding

dengan tekanan daripada Iran yang dikira sedang mengancam negara-negara Arab.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan Mesir semula ke dalam OIC bukanlah bermakna negara-negara Islam sudah menerima Camp David Agreement. Cuma apa yang kita maksudkan adalah Formula Camp David itu sudah pun lapuk oleh sebab berbagai-bagai formula yang lain sudahpun diutarakan seperti formula di Persidangan Antarabangsa Geneva mengenai Palestin, Fez Formula dan juga Formula Reagan dan sebagainya. Ringkas kata, dengan izin, Formula Camp David itu sudahpun overtaken by events. Itulah sebabnya yang Mesir sekarang sudahpun dengan mudahnya dikembalikan ke dalam OIC.

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai perang Iran/Iraq apakah penglibatan atau peranan negara kita di dalam Jawatankuasa Damai Perang Iran/Iraq itu dan adakah penglibatan-penglibatan negara kita itu membawa kesan yang baik.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, Malaysia memang menjadi salah satu anggota Committee yang dilahirkan, yang dilantik oleh OIC untuk menyelesaikan peperangan tersebut. Berbagai-bagai usaha sudahpun dijalankan oleh Committee ini tetapi setakat ini kita gagal untuk mencari penyelesaian sungguhpun berbagai-bagai formula sudahpun diutarakan kepada kedua-dua belah pihak untuk mencari penyelesaian ini. Namun demikian, kita akan terus berusaha sehingga kita mencari satu penyelesaian kerana kita tidak ada pilihan lain.

**Tuan Hassan bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada

Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dalam rundingan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dengan pihak Kerajaan Iran itu ada juga terlibat dalam masalah konsep Iran yang hendak mengeksportkan revolusinya.

Kedua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa ada di antara anggota-anggota Parlimen Malaysia yang telah diundang ke Iran dan sudahpun melawat Iran.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal hendak mengeksportkan revolusi Iran sudahpun dibincangkan. Kita sudahpun mendapat pengesahan dari Iran bahawa ia tidak mahu mencampur tangan dalam hal ehwal dalam negeri. Ini sudahpun diberi jaminan dan Iran juga telah menyatakan bahawa ia akan patuh kepada janji-janjinya itu sebagaimana beliau juga tidak mahu negara lain campur tangan dalam hal ehwal negara Iran.

Mengenai lawatan pula, kita sudahpun mendapat satu persetujuan di antara Malaysia dengan Iran bahawa pada masa-masa hadapan sebolehnya lawatan-lawatan itu akan disalurkan menerusi saluran rasmi Kerajaan kedua-dua belah pihak.

### **KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)**

2. **Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah matlamat utama pewujudan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan apakah asas pokok yang dijadikan terus pewujudannya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang pada masa ini masih lagi di peringkat perancangan akan digubal sebagai lanjutan kepada program Kurikulum Baru Sekolah

Rendah (KBSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 1983. Matlamatnya yang utama ialah untuk meneruskan perkembangan segala potensi yang ada pada setiap individu secara terpadu dan seimbang supaya pada akhirnya setiap orang mendapat bekalan asas yang mencukupi bagi menjalani kehidupan yang sempurna serta dapat pula memberikan sumbangan positif untuk pembangunan dan kemajuan negara seterusnya.

Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang sedang dirancang ini berteraskan antara lain perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Pendidikan peringkat ini adalah bercorak pendidikan umum (general education) untuk semua kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan.
- (b) Kurikulum yang sama akan diberikan untuk semua.
- (c) Pendidikan peringkat ini akan memberikan asas kepada pendidikan seumur hidup.
- (d) Pendidikan peringkat ini akan memberikan kesediaan kepada para pelajar untuk mengikuti latihan atau pendidikan lanjutan sesuai dengan kebolehan dan kecenderungan masing-masing.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) ini mengikut dan memperkembangkan kaedah-kaedah pelajaran dan pembelajaran 3M? Kalau KBSR biasa dikenal juga sebagai 3M, jadi adakah KBSM ini juga mengikut kaedah 3M iaitu Menulis, Membaca dan Mengira. Jika ya, di manakah hendak dimasukkan mata-mata pelajaran sejarah, Ilmu Alam, Sains Rumah Tangga, Sains Pertanian, Perdagangan dan sebagainya?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dalam KBSR sekarang ini prinsip 3M ini adalah

menjadi ciri penting di peringkat persekolahan rendah. KBSM adalah lanjutan ataupun peningkatan daripada peringkat rendah ke peringkat menengah. Jadi prinsip-prinsip yang sama juga dikekalkan dan ini tidak bermakna kurikulum 3M atau mata pelajaran 3M itu sahaja yang ditekankan. Sudah tentu cabangan daripada 3M ini juga akan menjadi teras persekolahan ataupun pendidikan di peringkat menengah.

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa seperti dalam KBSM yang sedang dirancang ini satu daripada tujuannya ialah untuk mendapatkan pelajaran secara umum dan satu lagi daripada tujuannya ialah untuk menyediakan pelajar-pelajar untuk mendapatkan pelajaran lanjutan atau latihan lanjutan. Jadi pada tahap manakah pelajaran pengkhususan itu dibuat untuk menyalurkan pelajar-pelajar itu bagi mendapatkan pelajaran lanjutan yang secara khusus?

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama tadi, ini melibatkan falsafah yang menjadi landasan bagi pembinaan program itu. Itulah sebab saya katakan matlamat supaya dari segi umumnya dan bolehlah saya sebutkan pendidikan dari segi matlamat umum ini adalah usaha mengembangkan potensi kanak-kanak kita secara menyeluruh bagi membolehkan mereka menjadi warganegara yang seimbang perkembangannya dari segi rohani dan jasmani, berilmu pengetahuan, berkebolehan untuk mencapai kebahagiaan diri dan memberi sumbangan untuk pembangunan serta kemakmuran negara demi untuk mewujudkan masyarakat yang taat setia, berdisiplin dan bersatupadu serta bertindak selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Jadi, selain daripada itu kita juga faham bahawa

satu daripada matlamat untuk mendapat pendidikan ialah untuk meningkatkan taraf hidup dan sebagainya. Jadi di sinilah timbul unsur lanjutan atau specialisasi bagi seseorang murid supaya akhirnya dia dapat berkecimpung di dalam disiplin ataupun di dalam kerjaya yang diidami.

### KOMPUTER—PENGUNAAN DI JABATAN KERAJAAN

**3. Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah Kementerian yang telah menggunakan komputer bagi memperbaiki mutu pentadbiran Kerajaan, dan adakah cita-cita Kerajaan untuk mengadakan jentera pentadbiran Kerajaan yang lebih baik berhasil dan jika tidak apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 19 Kementerian yang menggunakan komputer. Ini termasuk Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun. Komputer yang digunakan terdiri dari jenis Mainframe dan Mini dan kebanyakan Kementerian sudahpun mulai menggunakan Komputer Micro.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, harapan rakyat selalu bertambah dari semasa ke semasa dan ini bermakna tugas dan tanggungjawab Kerajaan juga bertambah dan Kerajaan harus berusaha untuk memenuhi harapan itu. Selaras dengan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa usaha untuk meningkatkan prestasi jentera perkhidmatan, pentadbiran Kerajaan dan setakat ini ianya telah membawa kesan yang baik dan positif. Usaha-usaha yang sedang dan akan diambil ke arah tujuan itu adalah antara lain termasuk program-program seperti Etika Perkhidmatan Awam, Kepimpinan Melalui Teladan, Pengurusan melalui Mesyuarat, Penyerapan Nilai-nilai Agama Islam

dalam Pentadbiran, Menyediakan Pelancaran Konsep Manual Procedure Kerja dan Fail Meja dan Pejabat Pelan Terbuka. Semua program-program ini sedang berjalan lancar dengan hasil-hasilnya menggalakkan.

Sungguhpun kesan-kesan itu belum dapat dipastikan lagi, Kerajaan terus juga menilaikan usaha-usaha lain untuk menambah lagi kecekapan dan kekesan Perkhidmatan Awam, susunan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, sistem dan procedure kerja, usaha meningkatkan lagi daya pengeluaran menggunakan alat-alat elektronik yang moden dan lain-lain terus dirancang dan dijalankan untuk mencapai matlamat mewujudkan Perkhidmatan Awam yang Bersih, Cekap dan Amanah.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi ada menerangkan bahawa 19 buah Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Pusat telah menggunakan komputer pada masa ini. Saya ingin tahu bilakah komputer ini akan digunakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri terutamanya Pejabat Tanah yang sekarang ini kelihatan tidak tersusun dari segi pentadbiran tanahnya dan juga Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang mengendalikan urusan-urusan memungut assessment, dengan izin, dan lain-lain pungutan yang melibatkan hasil pada Kerajaan?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penggunaan komputer bagi Pejabat-pejabat Tanah dan juga mana-mana pejabat, ini adalah bergantung kepada kehendak masing-masing pejabat itu, adakalanya sesuatu pejabat itu tidak begitu besar untuk memerlukan penggunaan sebuah komputer, memadailah jika sekiranya prosedur dan peraturan di Jabatan-jabatan itu diperbaiki. Jadi, dalam hal ini Sekretariat MAMPU adalah bersedia sentiasa untuk memberi segala

maklumat dan segala nasihat ke arah menggunakan alat-alat komputer di mana sahaja diperlukan untuk tujuan memperbaiki lagi khidmat yang boleh diberikan kepada rakyat.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan komputer-komputer yang kita gunakan di negara kita ini adalah komputer yang sudah lapuk di negara-negara lain? Jadi ini menyebabkan apabila komputer yang digunakan di negara kita ini rosak agak sukar untuk mencari alat-alat ganti apabila berlaku kerosakan.

Yang kedua, adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar dengan penggunaan komputer ini masalah guna tenaga akan timbul. Adakah Kerajaan membuat kajian juga tentang soal penggunaan komputer ini dengan masalah guna tenaga di dalam negara kita?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini sebenarnya segala alat-alat komputer yang hendak diberikan itu adalah dipertimbang dengan halusi bukan daripada segi kosnya sahaja tetapi daripada segi penggunaannya untuk tujuan-tujuan sesuatu Jabatan itu. Jadi dalam hal ini saya tak sedar sama ada komputer-komputer yang telah diberikan itu out of date. Walaupun begitu satu lagi dasar yang telah dilaksanakan ialah kita memastikan supaya sebolehnya komputer itu tidak dibeli tetapi disewa kerana dalam dunia kejuruteraan komputer ini, rekaan-rekaan komputer ini selalu cepat sangat berubah dengan bentuk-bentuk yang baru yang lebih sophisticated, yang lebih baik lagi. Jadi, ini adalah sesuatu yang kita menyedari dan dengan itu satu cara dalam penggunaan komputer itu hendaklah dibuat untuk memastikan bahawa komputer-komputer yang kita gunakan itu tidak tertinggal zaman.

Inilah yang diusahakan. Dan berhubung dengan penggunaan komputer di Jabatan Kerajaan, selama ini tidak menimbulkan sebarang masalah kaki-tangan lain.

### **PROJEK RUMAH PANGSA TANJONG TOKONG— MEMORANDUM**

4. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau ada menerima satu Memorandum dari Persatuan Penduduk-penduduk Kampung Tanjong Tokong membantah untuk dipindah ke rumah pangsa kos rendah UDA di tempat tersebut. Jika ada, nyatakan tindakan Kerajaan kepada segala permintaan yang ternyata di dalam Memorandum tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit latar belakang kepada projek ini supaya dapat gambaran yang jelas. UDA adalah terlibat dengan projek Tanjong Tokong di atas permintaan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan perancangan-perancangan dimulakan semenjak tahun 1973 lagi di mana tanah tersebut telah diberi milik penuh kepada UDA pada tahun 1975.

Dalam projek ini UDA mempunyai peranan sebagai pemaju. Projek ini dirancang pelaksanaannya melalui beberapa Fasa. Fasa satu mengandungi tiga blok rumah pangsa empat tingkat yang mengandungi 96 unit kediaman dan kerja-kerja pembinaan telah pun siap pada bulan Oktober 1979 dan telah pun diduduki.

Fasa dua projek ini mengandungi tiga blok rumah pangsa 16 tingkat yang mengandungi 330 unit rumah kediaman dan 10 unit kedai. Sebuah surau, sebuah dewan dan Klinik Kerajaan. Fasa ini yang dijangka siap pada bulan Oktober 1984.

Projek Fasa 3 mengandungi 7 blok rumah pangsa 5 tingkat yang mengandungi 210 unit rumah kediaman, 10 unit kedai dan 10 unit gerai. Fasa ini dijangka siap pembinaannya pada bulan Julai 1985. UDA masih merancang kawasan yang dikhaskan untuk Fasa 4.

Fasa 4 ini dijangka akan mengandungi 5 blok rumah pangsa 5 tingkat dan satu blok rumah pangsa 10 tingkat yang akan mengandungi lebih kurang 480 unit rumah kediaman. Pembinaan ini dijangka akan menyelesaikan soal penempatan semula keseluruhan penduduk-penduduk Tanjong Tokong.

Pembangunan projek Fasa 4 akan hanya dapat dilaksanakan setelah penduduk-penduduk dapat dipindahkan dari kawasan ini ke unit-unit kediaman di Fasa 2 dan 3.

Pada masa ini penduduk-penduduk yang terlibat di dalam kawasan Fasa 4 adalah sebanyak 159 buah rumah yang mengandungi 407 keluarga. Setelah masalah-masalah penempatan penduduk ini dapat diselesaikan melalui Fasa-fasa 1, 2, 3 dan 4, projek Tanjong Tokong ini mengikut perancangannya akan diteruskan pula ke Fasa-fasa yang lain dengan projek-projek yang berbentuk pembangunan bercampur, dengan izin, mixed development.

Dalam Fasa ini penduduk-penduduk akan dilibatkan secara usahasama dengan UDA. Pada peringkat permulaan sebuah Koperasi iaitu Koperasi Tanjong Tokong Sdn Berhad telah ditubuhkan oleh penduduk-penduduk Tanjong Tokong untuk menjadi wakil perantaraan di antara penduduk dengan UDA. Dengan ini Jawatankuasa perantaraan di antara UDA dengan penduduk Tanjong Tokong telah dimansuhkan. Setelah beberapa lama berjalannya perundingan melalui Koperasi tersebut, kemajuan adalah tidak begitu berkesan dan penduduk-penduduk Tanjong Tokong tidak

berpuas hati dengan keadaan tersebut. Perasaan ini disuarakan oleh penduduk-penduduk Tanjong Tokong dan dengan persetujuan dari semua penduduk, sebuah Jawatankuasa Perundingan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1983 untuk menjadi perantaraan antara penduduk-penduduk dengan UDA. Jawatankuasa Perunding ini adalah terdiri daripada Koperasi Tanjong Tokong, Persatuan Penduduk Tanjong Tokong, Jawatankuasa Kampung, Jawatankuasa Madrasah, Jawatankuasa Masjid, Persatuan Setia Tanjong Tokong dan juga UMNO. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Perunding ini, pihak UDA hanya mengiktirafkan Jawatankuasa Perunding berkenaan sebagai wakil sah daripada penduduk-penduduk Tanjong Tokong oleh kerana Jawatankuasa Perunding berkenaan adalah di atas permintaan dan persetujuan penduduk Tanjong Tokong itu sendiri.

Memorandum yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dikemukakan oleh pihak Persatuan Penduduk-penduduk Kampung Tanjong Tokong. Secara ringkasnya memorandum berkenaan meminta supaya penduduk-penduduk kampung Tanjong Tokong yang telah mempunyai rumah yang dahulunya di bawah milik sementara tanah TOL dikekalkan seperti keadaan sekarang.

Tanah-tanah di mana letaknya rumah-rumah yang dahulunya di bawah milik TOL ini hendaklah diberi hak milik kekal. Perkara yang ketiga yang diminta ialah supaya rumah pangsa UDA pada Fasa 2 yang dijangka siap pada bulan Oktober 1984 ini diberi kepada penyewa ataupun pemilik rumah setinggan yang menumpang di rumah ibu bapa dan sanak saudara mereka yang inginkan unit-unit di rumah pangsa tersebut.

Berhubung dengan memorandum yang dikemukakan itu, pihak UDA tidaklah dapat menerima kandungannya, oleh kerana pihak UDA hanya

mengiktiraf Jawatankuasa Perunding sahaja sebagai wakil sah daripada penduduk-penduduk Tanjong Tokong.

Persatuan Penduduk-penduduk Kampung Tanjong Tokong hanyalah salah satu daripada Badan-badan yang bergabung di dalam Jawatankuasa Perunding itu.

Walau bagaimanapun mengikut maklumat yang telah diterima, persatuan ini telah menarik diri dari menganggotai Jawatankuasa Perunding pada 14hb Januari 1984 yang lalu.

Sehubungan dengan pemilikan tanah pula, sukacita saya maklumkan bahawa pelaksanaan cadangan untuk memberi hak milik kekal kepada pemegang-pemegang TOL seperti yang dibuat di dalam memorandum berkenaan adalah tidak timbul kerana tanah-tanah tersebut telah pun diberi milik penuh kepada UDA oleh Kerajaan Negeri.

UDA dengan ini bercadang untuk meneruskan rancangan-rancangannya untuk membangunkan kawasan berkenaan sebagaimana yang telah dirancangkan dan dipersetujukan dahulu.

Adalah diharapkan pihak penduduk di Tanjong Tokong semuanya bersatu padu dalam pandangan mereka supaya membolehkan projek Tanjong Tokong diteruskan dengan jayanya demi kebaikan penduduk-penduduk sendiri, sebab telah dirancangkan berbagai jenis kemudahan-kemudahan awam seperti sekolah, klinik dan sebagainya. Dengan pembinaan ruang-ruang perniagaan akan wujud pula peluang-peluang baharu untuk berniaga dalam keadaan yang lebih teratur dan bersih.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri berkenaan sedar sebelum Pilihanraya Umum 1982, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat kampung tersebut, beliau adalah berjanji kepada penduduk-penduduk di

sana sejumlah tidak kurang 5,000 orang bahawa jika penduduk tersebut tidak bersetuju berpindah kepada flat itu, mereka tidak dikehendaki berbuat demikian. Oleh yang demikian adakah Kerajaan sedia menghormati perjanjian ini.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya pula tidak sedar Yang Amat Berhormat membuat perjanjian sedemikian, rasa saya tidak benar, bahkan Yang Amat Berhormat sendiri telah diberi taklimat dan ada berjumpa wakil-wakil penduduk-penduduk waktu hadir di Tanjung Tokong pada 29hb. September, 1983 dan di mana di situ persetujuan telah dibuat dengan semua pihak bahawa apa yang telah dikonsepsikan seperti Fasa 1, 2, 3, 4 dan seterusnya itu haruslah diteruskan demi kepentingan penduduk itu sendiri.

### KELAS TABIKA KEMAS

**5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) berapa ramaikah anggota-anggota Kemas sekarang. Berapakah kelas-kelas Tabika di seluruh negara dan mengapakah kelas-kelas Tabika tidak mempunyai cukup kemudahan-kemudahan dan alat-alat; dan
- (ii) adakah Kementerian ada membuat kajian tentang perjalanan TASKI kerana ada dikatakan di setengah-setengah tempat TASKI bertanding dengan Tabika dan ibu bapa lebih terpengaruh untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas TASKI untuk memastikan apakah yang lebih baik dalam TASKI berbanding dengan Tabika KEMAS.

**Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita

menjawab bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Pada soalan pertama anggota KEMAS di seluruh Malaysia sekarang berjumlah seramai 12,297 orang. Daripada bilangan tersebut seramai 724 adalah terdiri daripada Penyelia-penyelia dan 11,573 orang lagi adalah terdiri daripada pemaju-pemaju masyarakat dan pembantu-pembantu masyarakat.

Bilangan Kelas Tabika KEMAS di seluruh negara ialah 2,987 buah. Mengenai kemudahan-kemudahan dan alat-alat di Kelas Tabika KEMAS hanya membekalkan alat-alat pengajar dan pembelajaran serta perabut-perabut yang perlu seperti almari, rak buku dan dapur.

Sementara tempat dan lain-lain kemudahan kebiasaan digunakan tempat seperti Dewan orang ramai dan lain-lain tempat yang sesuai yang telah sedia ada.

Menjawab soalan kedua, Kementerian ini tidak bercadang untuk membuat kajian terhadap perjalanan TASKI kerana Kementerian menganggap TASKI tidak menjadi persaingan kepada Tabika KEMAS.

Saya percaya bahawa Tabika KEMAS yang ada sekarang adalah yang terbaik kerana sebelum dilaksanakan kurikulumnya terlebih dahulu dibincangkan dan diperakukan oleh para-para cendekiawan daripada Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran dan lain-lain.

Ianya juga diterapkan dengan nilai-nilai Islam sesuai dengan peningkatan umur kanak-kanak. Berdasarkan kepada permintaan masyarakat untuk membuka Tabika KEMAS yang kian bertambah setiap tahun jelas menunjukkan bahawa Kelas Tabika KEMAS mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengambil bahagian di dalam soalan ini. Saya hendak bertanya bahawa RISDA pun ada lebih banyak kelas Tabika dan saya difahamkan Tabika RISDA telah diambil alih oleh Kementerian. Berapakah bilangan RISDA Tabika yang diambil alih itu dan bilakah perlantikannya dibuat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak minta notis?

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa pada tahun 1983 berapa ramaikah Penyelia Kemas dan juga Pemaju-pemaju Masyarakat yang ditamatkan khidmatnya daripada Kemas dan apakah sebab-sebabnya dan apakah pula cara perundingan bagi penamatan perkhidmatan mereka?

Yang keduanya berkenaan dengan kelas-kelas TASKI adakah benar bahawa penubuhan kelas TASKI ini tidak perlukan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan adakah benar bahawa perjalanan kelas TASKI itu tidak tertakluk kepada sesuatu Undang-undang ataupun Akta bersabit dengan pelajaran. Terima kasih.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, jumlah Penyelia yang ditamatkan perkhidmatannya mulai 1hb. Januari, 1983 ialah 75 orang dan daripada bilangan tersebut seramai 25 orang telah disambung semula perkhidmatannya. Mengenai sebab-sebabnya pula saya difahamkan bahawa perkhidmatan mereka tidak memuaskan.

Soalan yang kedua tadi berhubung dengan TASKI, saya minta Ahli Yang Berhormat mengemukakan notis, Tuan Yang di-Pertua.

### LALULINTAS DI DALAM BANDARAYA—LANGKAH MENGATASI KESESAKAN

**6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan melaksanakan untuk mengatasi kesesakan lalulintas yang kian bertambah buruk terutamanya waktu pejabat bermula dan tamat di Bulatan Jalan Pahang, Tun Abdul Razak, Jalan Kampung Datuk Keramat, persimpangan Jalan Ampang/Jalan Tun Abdul Razak berhampiran Ampang Park. Bilakah jejambat-jejambat akan dibina kepada persimpangan-persimpangan ini.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kesesakan lalulintas yang kian bertambah di Kuala Lumpur ini. Beberapa jalan-jalan utama seperti Jalan Genting Kelang akan dilebarkan dan diperbaiki untuk menambahkan keupayaan jalan-jalan ini supaya pengaliran lalulintas dapat dilicinkan.

Sebagai salah satu cara yang berkesan dan murah untuk mencapai tujuan pengaliran lalulintas yang licin di kawasan pusat Bandaraya, sistem jalan sehalu akan dilaksanakan dari masa ke semasa di dalam kawasan yang menghadapi masalah kesesakan lalulintas jika didapati sesuai.

Pembaikan secara melebarkan jalan di kawasan persimpangan untuk membelok ke kanan di persimpangan jalan masuk ke kawasan-kawasan perumahan yang menjadi halangan

kepada pengaliran lalulintas dilakukan dengan mengadakan satu lorongan tambahan.

Di beberapa bulatan dan persimpangan yang sibuk seperti bulatan Jalan Pahang/Jalan Tun Razak dan persimpangan Jalan Ampang/Jalan Tun Razak, Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk membina jejambat. Projek-projek ini akan dilaksanakan apabila masalah kewangan dapat diatasi.

**Tuan Chan Kok Kit:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kementerian beliau bercadang meluaskan semua jalan raya dalam Wilayah Persekutuan dan bercadang membina underground railway untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Bandaraya ini?

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, Kerajaan memang bercadang untuk memperluaskan dan memperbesar lagi lalulintas, jalan-jalan yang ada di kawasan Kuala Lumpur (Bandaraya) di Wilayah Persekutuan ini.

Mengenai soalan kedua, pada masa kini, Kementerian saya tidak ada cadangan untuk mengadakan underground railway.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan di antara langkah yang telah beliau terangkan tadi untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya khususnya di sepanjang Jalan Tun Razak dan Jalan Ampang, sukacita mendapat tahu sama ada pihak Kementerian beliau bercadang untuk memberhentikan pemberian kelulusan kepada semua projek pembangunan pencakar langit di sepanjang Jalan Ampang/Jalan Tun Razak, sehingga jalan penyelesaian yang muktamad dapat dicari?

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menghentikan kebenaran pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi di sekitar Jalan Tun Razak dan juga Jalan Ampang, bahkan telah diumumkan dalam akhbar tempatan bahawa kawasan Jalan Sultan Ismail dan juga Jalan Raja Chulan dan juga di sekitar Bangunan Hilton dan juga Menara Promet, bangunan di situ akan dihadkan tingginya tetapi bukanlah di Jalan Tun Razak dan juga Jalan Ampang.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa salah satu langkah bagi mengatasi soal kesesakan lalulintas di pusat Bandaraya ialah dengan mengadakan sistem jalan sehalu. Saya ingin bertanya sama ada beliau sedar atau tidak bahawa dengan adanya sistem ini yang baru sangat dilaksanakan, menyebabkan beberapa gerai ataupun penjual-penjual yang ada di tepi jalan itu menghadapi masalah perniagaannya iaitu daripada segi perniagaan mereka mendapat hasil yang berkurangan. Jikalau beliau sedar, apakah langkah atau jaminan daripada Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar. Tetapi terutamanya masalah yang menyebabkan kesesakan lalulintas adalah bermula sebelum kita adakan jalan sehalu itu ialah akibat gerai-gerai yang di tepi jalan yang menyebabkan orang ramai tidak dapat berjalan dengan senang dan juga menyebabkan masalah kesesakan lalulintas.

Kementerian saya memang ada cadangan untuk menempatkan semula gerai-gerai berkenaan ke tempat-tempat yang sudahpun dikenalpasti. Masalah

ini akan diselesaikan apabila pihak Pentadbiran Dewan Bandaraya dapat mengatur dan menetapkan pelan-pelan di mana kita akan menempatkan ataupun menaruhkan gerai-gerai itu.

### PEMBANTU HOSPITAL— BIDANG TUGAS

**7. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kemajuan-kemajuan yang telah diperolehi di atas cadangan bagi meminda Akta Perubatan 1971 (Act 50) mengenai Pembantu-pembantu Hospital dalam perkara 33 (Offences) dan mengenai Akta 180 Hospital Assistants (Registration) bagi menjelaskan kedudukan dan bidang tugas seseorang Pembantu Hospital.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa selepas satu kajian yang teliti dibuat, adalah didapati tidak perlu dibuat pindaan kepada Akta Perubatan, 1971.

Walau bagaimanapun, Menteri Kesihatan telah meluluskan peraturan yang dibuat oleh Majlis Perubatan Malaysia di bawah Akta Perubatan 1971 yang membenarkan pembantu-pembantu hospital menggunakan alat-alat perubatan yang tertentu dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka dengan sempurna.

Berhubung dengan taraf dan bidang tugas pembantu-pembantu hospital, satu garis panduan yang lengkap telah pun ditetapkan oleh Kementerian.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai bidang tugas dan taraf Pembantu-pembantu Hospital yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada bantahan di kalangan Pembantu-pembantu Hospital apabila pihak

Kementerian Kesihatan ingin mengambil alih bidang penyelia makanan di hospital dan diberikan kepada Food Technologists dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekiranya Food Technologists yang akan menjalankan tugas penyelia di hospital boleh menjejaskan dari segi amalan pihak hospital sendiri. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya pihak Pembantu Hospital sendiri dilatih dalam bidang food technology untuk mengendalikan penyeliaan makanan dan sebagainya daripada menempatkan Food Technologists.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang bantahan itu dan baru sahaja Kementerian telah dapat menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh Persatuan Pembantu-pembantu Hospital itu. Harus juga saya sebutkan bahawa golongan pegawai-pegawai yang hendak dilantik bagi menjaga pembekalan makanan untuk hospital-hospital adalah bukan food technologist tetapi, dengan izin, catering officer yang mempunyai kebiasaannya diploma dalam food catering daripada seumpamanya Institut Teknologi MARA dan sebagainya.

Adalah diterima oleh Pembantu-pembantu Hospital, khususnya kesatuan mereka sendiri, dalam perbincangan kita baru-baru ini bahawa kerja-kerja menjaga pembekal makanan itu adalah lebih sesuai jika dijalankan oleh golongan pegawai yang dilatih khas untuk perkara-perkara mengenai catering dan bukan oleh Pembantu-pembantu Hospital, kerana Pembantu-pembantu Hospital sebenarnya tidak dilatih dalam perkara-perkara berkaitan dengan catering.

### LESEN MEMANDU ANGKATAN TENTERA

**8. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Anggota Tentera yang memiliki

Lesen Memandu dari Angkatan Tentera apabila bersara dari perkhidmatan, Lesen Memandu mereka tidak lagi diiktiraf dan mereka ini dikehendaki menjalankan ujian lain oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membolehkan mereka memandu semula sebagai orang awam. Jika sedar, adakah mutu kebolehan memandu Anggota Tentera di bawah paras memuaskan. Jika tidak, adakah beliau bercadang mencari jalan supaya Lesen Memandu yang mereka perolehi dari Angkatan Tentera diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar anggota-anggota tentera yang memiliki lesen memandu angkatan tentera tidak boleh memandu kenderaan awam tanpa lesen memandu awam yang sah. Ini bukanlah bermakna mutu serta kebolehan pemilik-pemilik lesen memandu kenderaan tentera adalah lebih rendah dari pemandu-pemandu awam. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan syarat telah menetapkan iaitu lesen memandu tentera (BAT D41) tidak boleh memandu kenderaan awam tanpa mempunyai lesen memandu awam yang khusus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, suka saya jelaskan sedikit di sini iaitu setiap anggota tentera yang memiliki lesen memandu tentera boleh membaharui kepada lesen memandu awam apabila anggota-anggota tersebut hendak berhenti, bersara dari perkhidmatan atau hendak membeli kenderaan sendiri dengan cara melalui permohonan dari ketua pasukannya. Pemohon-pemohon juga tidak lagi diperlukan diuji semula oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan oleh kerana latihan dan pengajian yang dibuat oleh pihak angkatan tentera memang sudah diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh itu cadangan

Yang Berhormat supaya usaha dibuat agar lesen memandu tentera diiktiraf oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan adalah tidak timbul.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah syarat yang sama akan diberi kepada pemandu-pemandu kereta Polis di-Raja yang tamat, yang mempunyai lesen memandu?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Ini berkenaan dengan tentera.

### KLINIK SWASTA

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengawasi secara rapi kegiatan-kegiatan klinik swasta bagi memastikan bahawa pesakit-pesakit diberikan rawatan yang betul memandangkan adanya aduan-aduan baru-baru ini terhadap beberapa buah klinik di Pudu, Kuala Lumpur dan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan kawalan yang lebih ketat ke atas klinik-klinik perubatan swasta.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada undang-undang yang khusus bagi mengatur dan mengawal kegiatan-kegiatan klinik-klinik perubatan swasta. Pada asasnya, Akta Perubatan Tahun 1971 mengelolakan pendaftaran dan amalan pengamal perubatan yang telah berdaftar di bawahnya secara individu melalui Majlis Perubatan Malaysia.

Adalah juga menjadi tanggungjawab doktor swasta untuk menentukan bahawa rawatan perubatan yang betul diberi kepada pesakit-pesakit bukan sahaja menurut kehendak undang-undang tetapi juga sebagai mematuhi kehendak profesyennya sendiri.

Sebarang aduan yang sah dan khusus mengenai rawatan-rawatan yang tidak betul atau tidak memuaskan oleh

seseorang pengamal perubatan yang berdaftar bolehlah dirujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk tindakan sewajarnya.

**Wan Mohamad Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, bilakah agaknya pihak Kementerian mengadakan satu peraturan ataupun undang-undang hanya membolehkan doktor swasta ini hanya memberi rawatannya sahaja dan mendapatkan ubatnya daripada dispensary atau daripada gedung-gedung ubat yang berasingan sebagaimana dilakukan oleh negara-negara maju. Ini bagi mengelakkan daripada doktor itu memberi ubat apa yang ada dalam simpanannya sahaja. Dan juga supaya doktor ini dapat memberi rawatan dan memberi ubat yang betul. Kalau tidak dapat ubat yang betul, maknanya pesakit mesti mencari ubat yang diarahkan oleh doktor itu.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banyak permintaan khasnya daripada golongan profesyen pharmacy untuk memisahkan kuasa atau tugas diagnosis dan prescription daripada dispensing. Tetapi pada masa ini Kementerian belum lagi dapat menerima permintaan itu di atas beberapa sebab. Di antara sebab-sebab itu adalah kekurangan ahli-ahli pharmacy. Kementerian telah menggalakkan pihak ahli-ahli profesyen pharmacy membincangkan perkara-perkara ini dengan pihak profesyen perubatan untuk mereka sendiri dapat mengaturkan atau tiba kepada satu perjanjian atau satu persefahaman di kalangan mereka tentang bidang-bidang khusus di mana masalah mungkin dihadapi dalam pemisahan tugas-tugas ini. Kementerian sedia selepas itu untuk membincangkan perkara ini dengan kedua-dua profesyen.

## KESAN/PERISTIWA SEJARAH

**10. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah usaha yang telah dan akan diambil untuk memperkenalkan lebih dekat lagi kesan-kesan/peristiwa-peristiwa sejarah oleh Muzium Negara kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar yang kurang berkesempatan melawat Muzium Negara ini; dan
- (b) di dalam penulisan sejarah negara kita banyak terdapat kekeliruan dan fakta-fakta yang sengaja diputarbelitkan oleh penulis-penulis sarjana-sarjana barat. Sejauh manakah pihak Muzium Negara dapat membantu dalam membetulkan kesilapan ini supaya sejarah tanahair kita benar-benar kemaskini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium telah pun menjalankan usaha-usaha untuk memperkenalkan kesan-kesan dan peristiwa-peristiwa bersejarah kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar yang kurang bersempatan melawat Muzium Negara melalui dua program.

Program yang pertama ialah apa yang dipanggil Muzium Bergerak. Program Muzium Bergerak ini telah mula dilancarkan pada 21hb Februari, 1976. Pihak Jabatan Muzium memperkenalkan Muzium Bergerak ini dengan tujuan supaya penduduk-penduduk luar bandar terutamanya murid-murid sekolah yang tidak berkesempatan datang ke Muzium supaya dapat melihat dengan lebih dekat lagi tentang segala warisan sejarah dan kebudayaan kita dan ini akan dapat membantu mereka di dalam pengetahuan dan juga kefahaman tentang sejarah kita.

Setelah pameran bergerak ini berjalan semenjak tahun 1976 pihak kami mendapati bahawa riaksi orang ramai khususnya murid-murid sekolah terhadapnya adalah paling menggalakkan dan daripada tahun tersebut hinggalah ke hujung tahun 1983 sebanyak 1.6 juta pelawat telah melawat pameran Muzium Bergerak ini.

Usaha yang kedua ialah mengadakan pameran-pameran sementara di sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dengan tema-tema yang tertentu kebanyakannya bersifat sejarah. Usaha ini dijalankan oleh penganjur-penganjur dengan kerjasama Jabatan Muzium ini dengan tujuan yang sama iaitu untuk memberi pandangan yang lebih dekat lagi kepada penduduk-penduduk luar bandar bersabit dengan peristiwa-peristiwa dan kesan-kesan sejarah negara.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Yang Berhormat, pihak Jabatan Muzium bukanlah merupakan badan yang khusus bertanggungjawab untuk membetulkan kekeliruan penulisan sejarah. Sebenarnya, tanggungjawab ini mestilah juga dipikul bersama oleh ahli-ahli sejarah tempatan, institut pengajian tinggi dan ajensi-ajensi lain yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Muzium juga bersedia membantu mana-mana pihak yang berkehendakkan penentuan fakta-fakta sejarah, terutama di dalam bidang pra-sejarah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Muzium Bergerak adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan mini muzium di peringkat-peringkat daerah.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tanggungjawab mengenai sejarah ini bukan sahaja kepada pihak muzium tetapi juga kepada ahli-ahli sejarah.

Sejauh manakah pihak Kerajaan telah memberi galakan-galakan kepada penulis-penulis sejarah tempatan untuk menulis sejarah yang lebih mirip berasaskan kepada tempatan.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama mengenai selain daripada Muzium Bergerak, KKBS bolehkah membina beberapa buah mini muzium, Kementerian saya memang ada bercadang.

Berkenaan soalan kedua, tadi saya sudah memberitahu kepada Yang Berhormat iaitu KKBS bukanlah agensi Kerajaan khusus bertugas untuk membetulkan kesilapan ini tetapi apa-apa tulisan daripada penulis kita memang boleh digalakkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Yang Fung Ket Wing.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir)*

### KASET RAKAM ROMPAK—PENJUALAN

**12. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa penjualan kaset rakam rompak sekarang berleluasa hingga menghilangkan semangat dan merugikan syarikat-syarikat pengeluar piring hitam dan kaset yang telah membelanjakan beribu ringgit untuk mengeluarkan rekod dan kaset yang asal tetapi hampa kerana yang untung ialah penjual-penjual kaset-kaset rakam rompak.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang adanya penjualan kaset rakam rompak. Ini berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa iaitu Jabatan Polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Hakcipta 1969 yang ada sekarang, memperuntukkan jenis-jenis karya yang layak diberi perlindungan hakcipta. Jenis-jenis karya yang berkenaan termasuklah karya sastra, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran. Akta Hakcipta ini juga mempunyai peruntukan-peruntukan mengenai tata acara bagaimana pemunya-pemunya hakcipta boleh membuat pengakuan dan aduan kepada pihak berkuasa atas mana-mana karyanya yang telah dicetakrompak. Pihak berkuasa hanya dapat bertindak setelah menerima pengakuan dan aduan dari pemunya-pemunya hakcipta. Pengakuan dan aduan dari pemunya hakcipta adalah penting kerana hanya pemunya hakcipta sahaja yang mengetahui sama ada karya-karya yang dicetak itu telah dibuat dengan atau tanpa izinnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya, mengikut peruntukan Akta Hakcipta 1969 yang ada sekarang ini, hakcipta bagi rakaman bunyi atau "sound recording", dengan izin, akan hanya dilindungi sekiranya rakaman bunyi tersebut dirakamkan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulangi bahawa keseluruhan Akta Hakcipta 1969 yang ada sekarang ini adalah dalam kajian semula. Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah dalam perhatian Jawatankuasa yang mengkaji semula Akta Hakcipta.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi menyatakan bahawa menerima aduan sahaja akan dilayan, oleh kerana beliau menyatakan ada jawatankuasanya, adakah jawatankuasa ini bercadang menyediakan pegawai-pegawai penguatkuasa bagi menyasiat perkara ini supaya perkara ini tidak berlaku di dalam negara kita.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haji:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam kajian yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa ini akan mengambil kira setakat mana yang boleh supaya rompak cetak yang dilakukan di dalam hakcipta ini dapat dikawal seberapa yang boleh mengikut keadaan yang berlaku sekarang ini.

Ini adalah bersabit dengan aduan, perlulah saya rasa kerjasama daripada hak yang berkenaan—pemunya-pemunya hakcipta ini membuat aduan baharulah kita boleh buat. Jikalau kita mengambil tindakan, ini mungkin akan menjadi satu perkara yang boleh didakwa oleh pihak yang berkenaan yang mana kita akan mengambil tindakan itu yang mengatakan ini hak mereka tidak ada hakcipta tuan ampunya yang lain.

**Dato Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah Akta Hakcipta, saya ingin tahu berapa banyakkah kes-kes tangkapan yang telah dilakukan dan berapakah kes-kes yang telah pun dibawa ke mahkamah dan selesai dibicarakan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haji:** Tuan Yang di-Pertua, tahun 1982 ada 23 aduan, yang telah pun dibicarakan 4, di dalam perbicaraan satu dan di dalam siasatan 18. Tahun 1983 13 aduan, siasatan 12 dan telah dibicara dan yang telah didenda 1.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 13 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).*

#### **PINJAMAN KWSP KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**11. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dipinjamkan oleh Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan setakat ini dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan wang KWSP akan digunakan untuk faedah pencarum-pencarum KWSP semata-mata.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 29hb. Februari, 1984 pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri adalah berjumlah \$15,390 juta, yang terdiri daripada \$14,987 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan \$403 juta kepada agensi-agensi Kerajaan.

Pinjaman-pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan yang bertujuan untuk memberi faedah kepada rakyat pada keseluruhannya. Oleh yang demikian secara tidak langsung pencarum-pencarum KWSP sebagai rakyat Malaysia juga mendapat manfaat dari rancangan-rancangan tersebut. Dalam pada itu, pendapatan kadar faedah yang didapati dari pinjaman-pinjaman itu adalah dipulangkan kembali kepada pencarum-pencarum menerusi faedah tahunan yang dikreditkan kepada kira-kira Ahli tiap-tiap tahun.

#### ANGKATAN TENTERA— ELAUN DI CONGO

**13. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Pertahanan menyatakan berkaitan elaun Angkatan Tentera yang bertugas di seberang laut (Congo) yang di bawah pentadbiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengapa hingga kini belum dijelaskan pembayaran.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Adalah tidak benar bahawa semua anggota-anggota Tentera Malaysia yang bertugas di Congo dalam tahun 1960-an belum lagi

dijelaskan elaun-elaun mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini semua anggota Tentera Malaysia yang bertugas di Congo dengan pasukan Pendamai Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima pembayaran-pembayaran yang layak diterima oleh mereka. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

#### SEKOLAH KOMPUTER SWASTA— KURSUS

**14. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bertambahnya bilangan Sekolah Komputer Swasta (Private Computer Schools) di seluruh negeri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya penubuhan, pelajaran dan kurikulum yang ada pada sekolah tersebut adalah sejajar dengan hasrat dan dasar Kerajaan.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Sekolah-sekolah swasta yang ditubuh khas untuk menjalankan kursus komputer adalah terkeluar daripada bidang kuasa Akta Pelajaran 1961. Oleh yang demikian setakat ini sekolah-sekolah tersebut tidak dikehendaki berdaftar dengan Kementerian Pelajaran.

#### HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA KOMUNIS

**15. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan negara Komunis yang telah menubuhkan hubungan perdagangan dengan negara kita.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Negara kita adalah mengamalkan hubungan perdagangan dengan semua negara di dunia kecuali negara Israel dan Afrika Selatan. Maka atas dasar inilah Malaysia telah juga menjalin hubungan perdagangan dengan negara-negara dari Blok

Komunis seperti Republik Rakyat China, Korea Utara, Vietnam, Russia dan negara-negara di Eropah Timur, seperti Jerman Timur, Bulgaria, Rumania, Hungary, Yugoslavia, Czechoslovakia dan Poland.

Pada keseluruhannya hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan negara tersebut adalah baik dan pada tahun 1982 perdagangan Malaysia dengan negara-negara Komunis bernilai \$884.5 juta atau 1.55% peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan luar Malaysia dan menguntungkan Malaysia. Lebihan imbalan perdagangan pada tahun 1982 ialah sebanyak \$544.5 juta. Lebihan perdagangan yang paling besar ialah dengan Russia iaitu berjumlah \$494.2 juta dan diikuti dengan Yugoslavia, Hungary, Bulgaria dan Czechoslovakia, masing-masing berjumlah \$35.8 juta, \$19.8 juta Bulgaria \$8.1 juta dan \$23.4 juta. Sebahagian besar dari eksport Malaysia ke negara-negara tersebut adalah terdiri dari bahan-bahan utama. Import Malaysia pula terdiri dari baja kimia (fertilizers manufactured), bahan kimia dan kimia bukan organan, polymerization dan copolymerization dan lain-lain barangan pengguna.

#### GURU-GURU SAINS/ ILMU HISAB—KEKURANGAN

**16. Tuan Hassan Alban bin Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kekurangan Guru-guru Sains, Ilmu Hisab dan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Menengah di Sabah.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Kekurangan guru-guru Sains dan Ilmu Hisab di Sekolah-sekolah Menengah di Sabah itu ialah kekurangan sementara sahaja. Apabila guru-guru siswazah tamat latihan mereka pada bulan April, Julai dan Ogos ini, semua kekosongan tersebut akan dapat dipenuhi.

Untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Malaysia langkah-langkah sedang diambil untuk menambah

pengambilan guru pelatih dan menambah biasiswa bagi mata pelajaran ini.

Sebagai langkah sementara, kekosongan guru bagi ketiga-tiga mata pelajaran ini diisi dengan guru latihan maktab yang berpengalaman dan juga dengan guru sementara.

#### JALAN BARU KUALA KANGSAR—GERIK

**17. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan benarkah projek pembesaran jalan dari Kuala Kangsar itu sudah dibuat alirannya, jika benar;

- (a) bilakah masa yang telah ditetapkan aliran jalan itu, mengapa pemimpin-pemimpin tempatan (Wakil Rakyat) tidak diminta memberi pandangan;
- (b) Jika tidak, adakah Kerajaan sedar beberapa projek pembangunan di sepanjang jalan Kuala Kangsar ke Gerik itu telah tergendala kerana ditakuti terlibat dengan aliran jalan yang akan dicadangkan itu, dan bilakah masanya aliran jalan itu akan ditentukan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):**

- (a) Aliran jalan baru dari Kuala Kangsar ke Gerik belum ditetapkan lagi. Projek ini telah ditangguhkan oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan sekarang ini.
- (b) Saya sedar bahawa masalah telah timbul dari segi pembangunan di sepanjang jalan Kuala Kangsar ke Gerik ini oleh kerana sebahagian daripada tanah di sepanjang jalan tersebut telah dibekukan sebagai persediaan untuk melaksanakan projek ini. Dengan tertangguhnya projek ini maka Kementerian saya

telah mengambil tindakan bahawa tanah yang dibekukan itu di-bebaskan dan dengan yang demikian pembangunan di sepanjang jalan yang berkenaan tidak akan tergendala.

### PEGAWAI JABATAN AUDIT

**18. Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menambahkan bilangan pegawai-pegawai Juruaudit, selaras dengan cadangan Ketua Audit Negara, bagi membolehkan Jabatan Audit untuk membuat pemeriksaan penilaian seberapa boleh atas aktiviti-aktiviti dan rancangan-ancangan Badan-badan Berkanun dengan lebih mendalam untuk menilai pencapaian matlamat masing-masing.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kedudukan kepegawaian di Jabatan Audit, termasuklah di Bahagian Audit Perbadanan, akan dikaji oleh agensi-agensi pusat. Jika didapati wajar dan perlu, Kerajaan akan menambah serta meningkatkan kemampuan jabatan tersebut melalui penyusunan semula, pertambahan jawatan atau keanggotaan, mengikut keadaannya untuk membolehkan jabatan itu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sepertimana yang telah ditentukan.

### FELDA—PEKERJA KONTRAK DI RANCANGAN

**19. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan akan menetapkan satu dasar di mana pekerja-pekerja kontrak di rancangan-ancangan FELDA seperti di Selangor dan sebagainya akan diberi keutamaan untuk menyertai rancangan-ancangan tanah sebagai menghargai sumbangan yang mereka telah memberi untuk memaju dan membangunkan rancangan-ancangan tanah.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Kementerian saya amat menyedari akan hakikat yang dimainkan oleh pekerja-pekerja kontrak di rancangan-ancangan FELDA. Peranan mereka dalam pembangunan di rancangan-ancangan FELDA ini adalah jelas. Walau bagaimanapun belum ada dasar baru ditetapkan sehingga masa ini yang memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja kontrak menyertai rancangan FELDA memandangkan dasar dan syarat-syarat kemasukan ke rancangan yang ada sekarang masih terpakai.

Penempatan peneroka di rancangan FELDA adalah mengikut peraturan-peraturan yang dipakai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan panduan Kementerian. Semua calon peneroka yang ditempatkan di rancangan adalah terdiri dari mereka yang telah berjaya dalam temuduga dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Pada kebiasaannya, Kerajaan-kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon dari rakyat negeri itu sendiri. Jika bilangan pemohon dari rakyat tempatan tidak mencukupi, pemohon-pemohon dari negeri lain adalah juga diberi pertimbangan.

Bagi Negeri Sembilan dan Negeri Pahang di mana pemohon-pemohon dari rakyat negeri itu sendiri tidak mencukupi, FELDA sentiasa memberi galakan supaya pekerja-pekerja kontrak yang bekerja di rancangan FELDA membuat permohonan menjadi peneroka untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

Syarat-syarat pengambilan peneroka-peneroka FELDA sentiasa dikaji dari masa ke semasa supaya golongan rakyat yang memerlukan bantuan dan yang paling sesuai sekali yang diterima masuk ke rancangan FELDA. Kelayakan atau

syarat-syarat asas bagi menyertai rancangan tanah FELDA adalah seperti berikut:

(i) *Umur:*

Pemohon Biasa: 18-40 tahun.  
Bekas Anggota Keselamatan: 18-45 tahun. Bagi permohonan di Negeri Pahang had umur lebih 40 tahun boleh ditimbang dengan syarat mendapat kelulusan Menteri Besar.

(ii) *Taraf Perkahwinan:*

Beristeri dan mempunyai anak.

(iii) *Hak Milik Tanah:*

Tidak mempunyai tanah lebih daripada 2 ekar tanah pertanian atau tanah bandar 1 lot.

(iv) *Kewarganegaraan:*

Warganegara Malaysia (bagi setengah-setengah negeri mengutamakan anak negeri berkenaan).

## HARGA MINYAK MASAK

**20. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa peratuskah harga minyak masak telah naik sejak satu tahun yang lalu dan memandangkan minyak masak adalah bahan keperluan harian dan digunakan oleh tiap-tiap keluarga setiap hari di seluruh negeri kita, sama ada minyak masak akan dijadikan barang kawalan.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Saya ingin memaklumkan di sini bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan ini semasa Kementerian saya menjawab soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta pada 15hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

## PROJEK PEMBANGUNAN SARAWAK— BANTUAN PUSAT

**21. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah dan bantuan Kerajaan pusat membantu Kerajaan Sarawak mengatasi masalah kekurangan kerja di negeri itu, kerana peratusan orang-orang yang tidak ada kerja di negeri tersebut terlampau tinggi sekali.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Negeri Sarawak sedang pesat membangun hasil dari projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat. Kebelakangan ini berbagai projek telah dan sedang dilaksanakan di bawah Rancangan-rancangan tertentu seperti Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, projek-projek pembangunan yang sedang dijalankan sekarang di negeri Sarawak ada disenaraikan di bawah Kepala Pembangunan dalam Belanjawan Persekutuan, 1984—Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi Tahun 1984. Dalam hubungan ini, salah satu dari projek yang terbesar ialah projek Pembangunan Pelabuhan Bintulu yang dianggarkan berharga \$570,323,903. Pada tahun 1981-1982, Kerajaan Pusat telah membelanjakan sebanyak \$397,565,416, tahun 1983 sebanyak \$82,760,000 dan pada tahun 1984 ini sebanyak \$19,399,000 lagi akan dibelanjakan untuk melaksanakan projek tersebut.

Semestinya, dalam proses pembangunan itu, pengwujudan pekerjaan dijangka akan bertambah. Walau bagaimanapun, pengangguran dalam berbagai bentuk tetap wujud.

Usaha Kerajaan dalam mengurangkan pengangguran, selain daripada melalui pengwujudan kerja yang terbit daripada pembangunan ekonomi, boleh jua berupa meninggikan kemahiran atau

latihan penganggur-penganggur. Maka di sini, Kementerian saya melalui Perkhidmatan Pekerjaan dan Latihan, adalah diharap dapat membantu penganggur-penganggur dalam mencari pekerjaan atau memberi latihan perindustrian kepada mereka.

#### KEMALANGAN AIRBUS MAS— SIASATAN

**22. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Jawatankuasa Siasatan perkara kapal terbang yang jatuh terhempas di Subang dalam bulan November 1983 telah siap penyiasatan, jika ya, adakah cadangan beliau untuk mengumumkan hasil penyiasatan itu.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Pada masa ini pasukan penyiasatan masih menjalankan kerja-kerja siasatan mengenai kemalangan pesawat Airbus MAS tersebut. Keputusan sama ada laporan tersebut akan diumumkan atau tidak, hanya akan dapat ditentukan setelah kerja-kerja siasatan selesai dan laporan mengenainya diterima dan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

#### HOSPITAL DAERAH PASIR PUTEH

**23. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah hospital Daerah Pasir Puteh akan didirikan, setelah selesai pengambilan tanah dilakukan semenjak sembilan tahun yang lampau.

**Dato' K. Pathmanaban:** Sungguhpun projek Hospital Daerah Pasir Puteh telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, dan tapak tanah bagi projek ini, seluas 12.1 hektar telah diperolehi pada tahun 1978, tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi negara pada masa ini, perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan.

#### BUMIPUTERA—KADAR PENGADAIAN PENIAGA KECIL

**24. Tuan Justine Jinggut** minta Perdana Menteri menyatakan dari segi Dasar Ekonomi Baru, apakah penglibatan yang telah dicapai oleh kaum Bumiputera khasnya peniaga kecil di Sarawak setakat ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kadar pencapaian kaum Bumiputera di dalam berbagai bidang ada diberikan di dalam kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah pun dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan atas perkara ini.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT

**25. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini dan apakah butir-butir perbincangan di antara beliau dengan Presiden Reagan yang berlangsung secara tertutup, utamanya dari aspek kerjasama keamanan dunia, khususnya di rantau ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Pertanyaan ini telah pun dijawab di Dewan ini bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 13hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### KONTRAK PENSWASTAAN

**26. Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa Kontrak Penswastaan 2.5 billion baru-baru ini telah kesemuanya diberikan kepada pemborong-pemborong Bumiputera:

(a) Jika benar mengapa tidak kontrak diberikan kepada syarikat-syarikat bukan Bumiputera dan

sama ada mereka dijemput menawarkan kontrak-kontrak itu.

- (b) Jika ya, apakah kriteria digunakan untuk memutuskan pemberian kontrak-kontrak yang tersebut di atas sama ada kontrak-kontrak itu dirundingkan atau ditawarkan.
- (c) Bolehkah Menteri memberi butir-butir pecahan mengenai komposisi perkongsian tiap-tiap seorang kontraktor yang berjaya dengan memberi peratusan Bumiputera, bukan Bumiputera (jika ada) dan holdings perkongsian asing, nama syarikat-syarikat dan menyatakan nilai kontrak-kontrak yang diberi kepada setiap syarikat.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sehingga masa ini Kementerian saya tidak pernah memberi apa-apa tender penswastaan.

#### PEPERIKSAAN STPM— SIASATAN KEBOCORAN

**27. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-apakah langkah dan kawalan yang dibuat untuk menjamin supaya kertas-kertas soalan STPM atau lain-lain kertas soalan peperiksaan awam tidak bocor pada masa yang akan datang.

**Datuk Mohamed Khalil Yaakob:** Pihak Polis masih meneruskan penyiasatan kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983. Penyiasatan ini belum selesai oleh kerana pihak Polis memerlukan masa yang cukup disebabkan perkara ini adalah suatu kes yang rumit dan melibatkan proses yang kompleks.

Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran ini. Tugas Jawatankuasa ini

adalah untuk menyiasat sebab-sebab kebocoran di samping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

#### EKSPORT KERA DAN BERUK

**28. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah eksport binatang-binatang daripada negara ini untuk digunakan bagi eksperimen di luar negeri seperti monyet dan lain-lain. Tidakkah ini buruk kesannya. Apakah langkah-langkah untuk menyekatnya.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya kera dan beruk sahaja yang dieksport ke luar negeri untuk tujuan penyelidikan.

Jumlah kera yang telah dieksport adalah seperti berikut:

Tahun 1977	—	12,000 ekor
1978	—	18,000 ekor
1979	—	3,140 ekor
1980	—	4,135 ekor
1981	—	4,809 ekor
1982	—	3,743 ekor
1983	—	3,038 ekor

Pengeksportan kera dan beruk tersebut dilakukan berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang diterima dari institusi-institusi yang membuat penyelidikan. Hanya permohonan dari institusi-institusi yang dibantu dengan wang awam dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri-Negeri pengimport yang berkenaan dan menjalankan penyelidikan yang berguna kepada manusia, terutamanya di bidang perubatan, sahaja dipertimbangkan. Institusi-institusi tersebut juga diwajibkan menyertakan protokol

prosidur serta penerangan berkenaan dengan penyelidikan yang bakal dijalankan menggunakan kera-kera yang dipohon.

Di antara penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi yang menggunakan kera-kera dari Malaysia ialah:

- (i) penentuan terhadap keracunan ubat-ubat baru untuk kegunaan manusia;
- (ii) penyelidikan virologi;
- (iii) penyediaan serta penyelidikan vaksin polio dan campak;
- (iv) kultur sel; dan
- (v) penyelidikan saraf.

Sehingga kini, tiada bukti-bukti nyata yang menunjukkan bahawa kera-kera dari Malaysia terlibat di dalam penyelidikan-penyelidikan selain dari yang tersebut di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeksportan kera dari Malaysia telah dihadkan sebanyak 5,000 ekor setahun semenjak tahun 1979. Satu musim tutup selama 5 tahun akan dikuatkuasakan pada 16hb Jun, 1984 untuk membolehkan Jabatan Perhilitan menjalankan penyelidikan yang menyeluruh dan mendalam ke atas populasi kera.

### **BANJIR DI PANTAI TIMUR**

**29. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada apa-apa langkah jangka panjang akan diambil untuk mengatasi masalah pbanjiran di Pantai Timur, dan jika ya, apakah langkah-langkah ini. Adakah apa-apa rancangan untuk membina empangan-empangan di Kelantan, Pahang dan Johor untuk mempergunakan bekalan air dan tenaga elektrik, selain daripada pencegahan banjir.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kerajaan memandang berat di atas masalah banjir yang berlaku pada tiap-tiap tahun di Negeri-negeri Pantai Timur di mana mengakibatkan kesulitan dan penderitaan kepada rakyat. Oleh itu kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang berkesan untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan tersebut, di antaranya ialah pelaksanaan Projek Kawalan Banjir (Flood Mitigation Project) di mana termasuk pembinaan ampangan-ampangan. Berapa kawasan ampangan yang berpotensi telah dikenalpasti terutama di sepanjang Hulu Sungai Kelantan, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu. Pelaksanaan ampangan ini yang mempunyai pelbagai peranan seperti pembekalan kuasa letrik, pengawalan banjir, perparitan dan pembekalan air, hanya boleh dilaksanakan berdasarkan kepada kesesuaian ekonomi projek (economic feasibility of the projects) dan peruntukan kewangan yang ada.

### **PELAJAR MALAYSIA KE AUSTRALIA—KEMASUKAN**

**30. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memujuk Kerajaan Australia supaya jangan mengenakan quota enrolmen yang ketat serta yuran yang tinggi untuk pelajar-pelajar Malaysia yang ingin mengikuti kursus di institusi-institusi pelajaran tinggi di Australia.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memujuk Kerajaan Australia supaya jangan mengenakan Kuota enrolmen yang ketat serta yuran yang tinggi untuk pelajar-pelajar Malaysia yang ingin mengikuti kursus di institusi-institusi pelajaran tinggi di Australia. Satu memorandum daripada Kementerian Pelajaran Malaysia telah dikemukakan kepada "Committee of

Review Private Overseas Student Policy” mengenai pendirian Malaysia kepada langkah-langkah sekatan kemasukan pelajar asing ke Australia. Pihak Kementerian telah menyuarakan kekesalan dan perhatian berat Kerajaan Malaysia mengenainya serta meminta Kerajaan Australia mengkaji semula dasar sekatan tersebut.

Pihak Kerajaan juga telah mengadakan rundingan dengan “Committee of Review Private Overseas Student Policy” dalam lawatan mereka ke Malaysia baru-baru ini. Dalam rundingan tersebut, selain daripada meminta Kerajaan Australia mempertimbangkan semula dasar sekatannya kepada pelajar-pelajar Malaysia. Pihak Kerajaan telah meminta Kerajaan Australia menyediakan sebanyak 3,500 tempat belajar di Australia bagi pelajar-pelajar Malaysia pada tahun kemasukan 1985 berbanding dengan hanya 1,640 tempat yang diperuntukkan bagi tahun ini.

Mengenai kadar yuran yang tinggi seperti yang dibangkitkan, pihak Kerajaan dalam rundingan tersebut telah meminta kepada Kerajaan Australia supaya “Overseas Student Charge” yang dikenakan kepada pelajar-pelajar asing dikecualikan kepada pelajar-pelajar Malaysia, dan bayaran sepatutnya dikenakan yuran pengajian biasa sahaja. Perkara ini ditimbulkan kerana Kerajaan sedar beban yang terpaksa ditanggung khususnya di kalangan pelajar-pelajar persendirian.

Dalam rundingan tersebut juga, Kerajaan Australia telah meminta memberi pertimbangan agar pelajar-pelajar dari Malaysia yang telah lulus mata pelajaran bahasa Inggeris dengan gred-gred tertentu di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dikecualikan daripada mengambil ujian kelayakan Bahasa Inggeris seperti TOFEL (American Test of English as a Foreign

Language) dan SST (Australian Short Selection Test) sebagaimana yang disyaratkan.

Perkara-perkara tersebut di atas juga telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam rundingan beliau dengan Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawks semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini.

### BUKU-BUKU TEKS SEKOLAH—KUALITI

**31. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah spesifik yang telah diambil untuk membaiki kualiti buku-buku teks sekolah yang dipinjamkan kepada murid-murid miskin kerana ibu bapa mengadu bahawa banyak daripada buku-buku yang diterima adalah dalam keadaan koyak; tanpa kulit buku (covers), dan muka surat kehilangan.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Di bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kerajaan, apa yang berlaku ialah buku-buku teks dipinjamkan kepada murid-murid yang miskin dan layak menerima bantuan pada awal tahun, buku-buku ini dikutip balik daripada murid-murid berkenaan pada hujung tahun supaya dapat dipinjamkan kepada murid-murid lain ditahun berikutnya. Ini bermakna bahawa buku-buku baru dan juga buku-buku terpakai ada dipinjamkan kepada murid-murid bila-bila masa.

Untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Y.B. Ahli dari Seremban, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan bahawa buku-buku yang dipinjamkan kepada murid-murid adalah benar-benar lengkap dan boleh digunakan:

- (a) Sebahagian buku yang dipinjamkan kepada murid-murid dibuat gantiannya oleh Kementerian Pelajaran. Peratus gantian kerosakan adalah

sebanyak 25% setiap tahun bagi buku-buku sekolah rendah dan 20% bagi buku-buku sekolah menengah.

- (b) Guru Besar sekolah diarah supaya menghapuskirakan buku-buku terpakai yang rosak, koyak dan tidak lengkap. Buku-buku ini tidak sepatutnya dipinjamkan kepada murid-murid.
- (c) Guru Besar sekolah diarah supaya memohon tambahan buku sekiranya buku-buku yang dibekalkan itu tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan sekolah.
- (d) Murid-murid yang diberi pinjaman buku teks diarah supaya menjaga buku-buku mereka dengan baik serta rapi.

## TELEFON—ADUAN BAYARAN

**32. Tuan Ng Cheng Kuai** Minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) memandangkan sebilangan 37,748 aduan bagi tempoh Julai 1982 hingga Ogos 1983 tentang bayaran telefon yang didakwa sebagai terlalu tinggi, apakah hasil siasatan Kementerian beliau selama ini;
- (b) dari bilangan ini, berapa kes yang telah dikesan dan tindakan diambil; dan
- (c) sama ada beliau akan menyusun semula pentadbiran telekom di seluruh peringkat demi kepentingan pelanggan-pelanggan Jabatan Telekom.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Setiap aduan mengenai bayaran telefon yang diterima akan disiasat dan diselidiki dengan rapi satu persatu. Penyiasatan

yang sedemikian memakan masa yang agak panjang kerana ia melibatkan banyak bahagian. Sekiranya ada bukti-bukti yang tepat sebagaimana yang diadukan, barulah pengurangan atau penghapusan diberi kepada pelanggan berdasarkan kepada faktor-faktor tertentu. Sekiranya aduan tersebut didapati tidak berasas, maka bayaran kepada pelanggan akan dikekalkan dan pihak Jabatan Telekom akan memberikan satu kenyataan bertulis kepada pelanggan menyatakan kedudukan sebenar dari siasatan yang dijalankan.

Namun begitu, kebanyakan daripada aduan ini, apabila didapati bahawa pelanggan memang ada membuat panggilan. Panggilan ini mungkin dibuat oleh salah seorang daripada anggota keluarga rumah tersebut di luar pengetahuannya.

Dari jumlah 37,748 aduan yang diterima berhubung dengan bayaran meter, cuma 2,356 kes iaitu 6 peratus sahaja dari aduan yang didapati berasas dan di dalam keadaan meragukan. Di dalam kes-kes seperti ini pengurangan telah diberi. Jumlah aduan dan kes yang diberi pengurangan adalah seperti dibawah:

<i>Bulan</i>	<i>Bilangan Aduan</i>	<i>Bilangan kes diberi kredit</i>
Julai 1982	2,364	154
Ogos	2,304	160
September	2,287	116
November	2,814	176
Disember	2,052	170
Januari 1983	2,352	278
Februari	2,281	140
Mac	3,606	282
April	3,452	277
Mei	3,739	46
Jun	4,801	285
Julai	2,919	226
Jumlah ..	37,748	2,509

Purata jumlah aduan sebulan .. .. .	2,904
Purata pelanggan yang diberi pengurangan ..	193

Jabatan Telekom buat masa sekarang tidak bercadang untuk menyusun semula pentadbiran di seluruh peringkat di Jabatan ini kerana perubahan dari segi pentadbiran baru sahaja dirombak pada akhir tahun 1979 di bawah dasar organisasi baru. Dalam perombakan tersebut susunan pentadbiran telekom telah dipecahkan kepada empat peringkat iaitu:

- I. Peringkat Ibu Pejabat Telekom Negara (ITN)
- II. Peringkat Ibu Pejabat Telekom Kawasan (ITK)
- III. Peringkat Pejabat Telekom Tempatan
- IV. Kedai Telekom

Tujuan penyusunan semula pentadbiran ini adalah untuk memberikan lebih kuasa kepada kawasan untuk mentadbir dan mengendalikan kawasan masing-masing tanpa merujuk sesuatu keputusan kepada Ibu Pejabat Telekom Negara melainkan perkara-perkara yang penting atau yang melibatkan dasar. Setakat ini prestasi yang dicapai di dalam penyusunan semula ini adalah baik dan saya yakin susunan pentadbiran ini adalah lebih berkesan dalam usaha untuk memperbaiki mutu pentadbiran dan perkhidmatan Jabatan.

### IJAZAH UNIVERSITI JEPUN/KOREA SELATAN— PENGIKTIRAFAN

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat mana-mana dan berapa universiti-universiti dan kolej-kolej

Jepun, Taiwan dan Korea yang telah diiktirafkan sejak pelancaran dasar "Memandang Ke Timur" dan namakan universiti-universiti dan Kolej-kolej tersebut.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Kerajaan tidak memberi pengiktirafan ke atas sebuah universiti ataupun kolej di luar negeri. Pengiktirafan adalah terhadap kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh sesuatu institusi pengajian tinggi di luar negeri yang memenuhi kriteria pembelajaran dan faktor-faktor lain untuk perlantikan ke dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan kuasa tempatan, apabila institusi tempatan tidak mengeluarkan siswazah atau graduan dalam bidang pengajian yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian dan pengiktirafan ke atas kelayakan-kelayakan dari institusi pengajian tinggi di luar negeri termasuk Jepun, Korea Selatan dan Taiwan telah pun dijalankan terus menerus semenjak, sebelum dan juga selepas pelancaran Dasar Pandang Ke Timur.

Kelayakan-kelayakan dari institusi pengajian tinggi Jepun dan Korea Selatan yang telah diiktiraf adalah seperti berikut:

#### 1. *Jepun*

<i>Kursus</i>	<i>Universiti</i>
(1) Ijazah dalam bidang Sains	Tokyo; Tokyo Kogyo (Tokyo Institute of Technology) Tsukuba; Osaka; Sagoya; Kyoto; Kyusyu; Kobe; Hiroshima; Waseda.
(2) Ijazah Kejuruteraan (Awam, Kejenteraan, Letrik dan Letronik)	Tokyo; Osaka; Sagoya; Kyoto;

<i>Kursus</i>	<i>Universiti</i>
	Kyusyu; Kobe; Hiroshima; Hokkaido; Tohoku; Tokyo Kogyo (Tokyo Institute of Technology).
(3) Ijazah Kejuruteraan (Samudra, Senibina Lautan)	Tokyo; Kyushu.
(4) Ijazah Kejuruteraan (Kimia, Perindustrian)	Nagoya; Kyoto; Kobe; Hiroshima; Tohoku; Tokyo Kogyo (Tokyo Institute of Technology) Nokohama.
(5) Ijazah Kejuruteraan (Kajiterbang)	Tokyo; Nagoya; Kyoto; Kyushu.
(6) Ijazah Perikanan	Tokyo; Sagasaki; Hitotsubashi; Tokyo Sulsan.
(7) Ijazah Pengurusan Perikanan	Kagoshima.
(8) Ijazah Pertanian	Kyoto; Kyushu.
(9) Ijazah Perdagangan	Keio; Meiji.
(10) Ijazah Pengurusan	Kobe.
(11) Ijazah Sains Kajihayat Gunaan	Hiroshima.
(12) Ijazah Farmasi	Kyoto.
<b>2. Korea Selatan</b>	
(1) Ijazah Doktor Pembedahan Gigi	Seoul.
<b>3. Taiwan</b>	

Oleh kerana kelayakan-kelayakan daripada institusi pengajian tinggi di Taiwan tidak dapat memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan Kerajaan,

Kerajaan tidak mengiktirafnya sebagai sesuai untuk perlantikan ke dalam perkhidmatan awam.

### PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

**34. Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa tidak ada seorang bukan Melayu pun yang dilantik menjadi Penasihat Undang-undang Negeri sejak tahun enam puluhan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Perlantikan Penasihat Undang-undang sesuatu Negeri adalah perkara di bawah bidang kuasa dan budi bicara Negeri yang berkenaan dan bukannya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana itu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang ingin mengetahui sebab-sebab mengapa tidak ada seorang bukan Melayu dilantik menjadi Penasihat Undang-undang Negeri sejak tahun enam puluhan tidak timbul dalam konteks ini.

### PENCEMARAN ALAM— TINDAKAN

**35. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapa tiada apa-apa tindakan diambil mengenai pencemaran alam yang keterlaluan akibat pembangunan dan pembakaran sampah di Jalan Kimia, Kg Baru Sg. Chua, Kajang, Selangor, dan adakah beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di situ telah mengadu bahawa getah, tayar-tayar lama, besi, kaca malah bangkai-bangkai binatang juga dibakar bersama, menyebabkan bau yang tidak tertahan serta habuk yang mengganggu pemandangan pemandu-pemandu kenderaan. Adakah beliau sedar bahawa 3 orang telah mati akibat barah hati (liver cancer) di kawasan ini, dan apakah tindakan-tindakan seterusnya yang akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai keadaan ini.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Sejauh Kementerian saya terlibat, tidaklah benar sama sekali kononnya tidak ada tindakan diambil dalam kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Beralih kepada bahagian kedua dalam pertanyaan, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya pernah menerima aduan semenjak Jun, 1982 daripada penduduk tempatan mengenai masalah pencemaran asap akibat pembakaran terbuka sampah sarap di Kg Baru Sg. Chua, Kajang, Daerah Hulu Langat.

Aduan tersebut kesemuanya disiasat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar dan didapati berasas. Majlis Daerah Hulu Langat sebagai pihak berkuasa Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab telah dihubungi dan diberitahu secara bertulis seperti berikut:

- (i) Aduan itu dari hasil penyiasatan didapati berasas;
- (ii) Tindakan tertentu yang berkesan hendaklah diambil bagi menghentikan amalan pembakaran terbuka sampah sarap;
- (iii) Pelupusan sampah sarap haruslah dikendalikan dengan cara yang baik seperti menimbus sampah sarap dengan tanah atau pasir diikuti dengan penyemburan pembasmi kuman; dan
- (iv) Kawasan tapak pelupusan sampah sarap eloklah dipagarkan bagi tujuan keselamatan.

Memandangkan tindakan susulan di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar akan terus menegaskan pihak yang berkenaan dalam usaha menentukan perakuan-perakuan mendapat perhatian yang sewajarnya. Di samping itu, Jabatan

Alam Sekitar telah menasihatkan Pihak Majlis Daerah Hulu Langat supaya mencari tapak pelupusan sampah sarap gantian yang lebih sesuai.

Menjawab bahagian ketiga dalam soalan, saya tidak sedar bahawa 3 orang telah mati akibat barah hati di kawasan itu.

### **WARGANEGARA DALAM BORANG E DAN G**

**36. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pemohon-pemohon bagi kerakyatan dalam Borang E dan Borang G sejak 1971 dan bilangan orang yang mengikut asal kaum yang telah berjaya dan bilangan orang yang telah ditolak.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Jumlah permohonan warganegara dalam Borang E dan G yang diterima semenjak bulan Januari 1981 hingga 31-12-1983 ialah 52,351 Borang E dan 13,686 Borang G. Dalam jangka masa yang sama, permohonan dalam Borang E yang telah diluluskan ialah 61,412 dan yang ditolak berjumlah 3,216.

Untuk Borang G, sejumlah 9,058 permohonan telah diluluskan dan 13,992 telah ditolak. Adalah menjadi dasar Kementerian saya tidak menyimpan rekod kewarganegaraan mengikut kaum.

### **PENDATANG HARAM INDONESIA**

**37. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada satu gerakan besar-besaran akan dilancarkan terhadap pendatang-pendatang haram Indonesia di negara ini.

**Dato' Musa Hitam:** Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap pendatang

haram tanpa mengira negara asal mereka. Sekiranya dikesan mereka akan ditangkap, didakwa dan dihantar balik ke negara asal mereka. Kerajaan tidak bercadang mengadakan gerakan besar-besaran tetapi sentiasa mengadakan gerakan-gerakan setiap masa.

## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini,  
*menyedari* kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengadakan keamanan dan keselamatan;

*meluluskan dan menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (30hb Mac, 1984).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Yang Berhormat dari Seremban menyambung ucapannya.

5.08 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, hari itu saya telah bercakap tentang dasar Kerajaan iaitu Konsep Pandang ke Timur.

Tidak patut juga dilupai bahawa negara-negara seperti United Kingdom, United States of America, Australia dan negara-negara Komanwel juga merupakan negara-negara maju dan universiti-universiti serta kolej-kolej mereka adalah terbuka kepada murid-murid kita. Walau bagaimanapun, yuran-yuran yang kian meningkat semakin menjadi halangan.

Saya menyeru Kerajaan pandang ke Malaysia bagi Pembangunan. Saranan saya adalah bahawa penswastaan dan Pandang ke Timur hanya merupakan sebahagian daripada penyelesaian kepada masalah-masalah ekonomi kita.

Saya merujuk kepada sumber-sumber manusia yang masih belum digunakan sepenuhnya kerana kepakaran serta latihan yang tidak diberikan kepada mereka.

Perenggan 288 Kajian Separuh Penggal ini menyatakan bahawa bilangan yang menganggur akan bertambah daripada 335 ribu kepada 371 ribu menjelang 1985, dan majoriti yang menganggur ini akan merupakan murid-murid lepasan sekolah menengah dalam lingkungan umur 15-24 tahun.

Ini merupakan suatu tabungan serta potensi bagi pengurusan dan penyelenggaraan jika mereka diberikan latihan serta pendidikan yang sewajarnya di universiti-universiti, kolej-kolej dan institusi-institusi teknik serta vokasional tempatan. Malangnya hanya terdapat 7 buah universiti dan 5 bilangan kolej/politeknik serta

institusi-institusi teknik yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan murid-murid lepasan sekolah menengah. Kebanyakan daripada mereka tetap tidak terlatih dan tanpa kepakaran. Ini merupakan pembaziran sumber tenaga manusia dan merupakan salah satu daripada sebab-sebab utama yang menyebabkan pembangunan ekonomi serta industrialisasi yang lambat.

Penswastaan patut juga bermakna penswastaan pendidikan. Banyak pertubuhan-pertubuhan swasta adalah berminat mendirikan sekolah-sekolah serta kolej-kolej untuk menerima murid-murid dan penuntut-penuntut yang tidak berjaya memasuki ke universiti-universiti kita. Universiti Merdeka adalah satu-satu daripadanya yang pasti berkemampuan menyediakan peluang-peluang bagi murid-murid yang layak menuntut pelajaran secara tempatan, tanpa membelanjakan wang yang banyak serta tukaran wang asing di luar negeri. Parti DAP menyeru Kerajaan Barisan Nasional supaya bersikap liberal dan menyetujui penubuhan Universiti Merdeka seperti kelulusan serta-merta yang telah diberikan kepada Universiti Islam.

Keraguan-keraguan tentang industrialisasi melalui industri-industri berat. Tidak boleh diragukan betapa perlunya diadakan perindustrian untuk mewujudkan pekerjaan yang lebih bagi belia lepasan sekolah kita. Sektor pertanian tidak mampu menyediakan pekerjaan yang mencukupi, dan lebih-lebih lagi trend dunia kini adalah suatu peranjakan daripada kebun-kebun kepada pekerjaan-pekerjaan di bandar-bandar. Suatu contoh yang amat baik adalah di Amerika Syarikat di mana hanya 3% daripada tenaga kerjanya terlibat dalam bidang pertanian.

Adakah industri-industri berat merupakan jawapan bagi Malaysia? HICOM telah didirikan bagi tujuan ini, iaitu bagi membolehkan sebuah loji

keluli mengeluarkan keluli. Ia merupakan suatu usaha yang tidak rasional jika pengalaman British Steel dan US Steel yang sedih itu dipertimbangkan. Dari segi harga, Japan Steel telah kalah kepada Korean Steel, tetapi keluli yang dikeluarkan oleh sebuah negara Amerika Selatan-Brazil, merupakan jauh lebih murah. Permasalahannya adalah sama ada keluli HICOM dapat bersaing, ataupun akan dijual kepada pengguna-pengguna tempatan di bawah perlindungan tarif dan duti pada harga yang tinggi. Juga, industri-industri keluli berat adalah dianggap kotor kerana pencemaran alam yang teruk dan sedang dielakkan oleh negara-negara maju yang cenderung mengeksport industri-industri ini ke negara-negara dunia ketiga sebab industri itu ditutup.

Usaha untuk mewujudkan Kereta Malaysia (Malaysian National Car) sedang diamalkan dengan bersungguh-sungguh bertentangan dengan kesangsian ahli-ahli ekonomi dan pakar-pakar industri motor. Kemelesetan yang sedang dialami oleh industri motor di Eropah, United Kingdom dan US patut merupakan tanda-tanda amaran. Berjuta-juta kereta-kereta yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kereta United States tetap mengaku kalah kepada kereta-kereta buatan Jepun.

Pembuat-pembuat kereta Jepun adalah amat cekap. Mereka hanya memerlukan 11 jam (11 hours) untuk membina sebuah kereta, walhal di Amerika Syarikat ia mengambil masa 31 jam. Sebuah loji Zama di Jepun yang dilengkapi dengan robot boleh membina kereta dalam masa hanya 9 jam. Bagaimana pula dengan kereta-kereta Malaysia? Berapa jam saya mahu bertanya kepada Kerajaan untuk membina sebuah kereta di Malaysia?

Untuk menjamin kejayaan kereta Malaysia, ia patut berpandu kepada tujuan pengeksporan dan persaingan, yang mungkin memerlukan loji-loji

robot seperti terdapat di Jepun. Alternatif yang lain adalah untuk mengeluarkan sebuah kereta nasional dengan tarif perlindungan yang tinggi, yang hanya bermakna kosnya kepada pengguna akan terlalu tinggi.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Negeri-negeri India, China dan Filipina telah mengadakan sebuah kereta nasional tetapi sambutannya adalah amat menyedihkan. Kos-kos "retooling" yang amat tinggi telah menghalang pengeluaran sebarang model baru untuk hampir 2 dekad. Penjelasan rasmi di sebalik rasional bagi sebuah kereta Malaysia ialah manfaat sampingan yang berpunca dari industri kereta seperti pekerjaan-pekerjaan dan pembiakan kilang-kilang feeder yang mengeluarkan barang-barang komponen. Bertentang dengan ini adalah hakikat kosnya adalah terlalu tinggi kepada pengguna yang tidak dapat dielakkan. Akhirnya pasti terdapat juga suatu kereta Malaysia tetapi, dengan izin, "It smacks of a pyrrhic victory", iaitu suatu kejayaan yang sementara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, industri-industri gantian import peringkat kedua. Dulu, pengeluaran (goods) daripada industri-industri gantian import peringkat yang amat dilindungi adalah terlalu mahal dan kadangkala kadangkala kosnya setinggi-tinggi kali lebih daripada sebuah negara berjiran. Bilangan orang dari Johor yang merentasi Tambak bagi tujuan membeli-belah adalah suatu petunjuk baik akan perbezaan harga akibat industri-industri yang terlindung dan barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang terpaksa bersaing di pasaran antarabangsa.

Industri teknologi tinggi (Hi-tech) di dalam era matlamat baru patut diamalkan oleh Malaysia. Hi-tech

industry ini adalah bersih dan barang-barang teknologi tinggi mempunyai nilai-nilai tinggi. Bahan-bahan keluaran sedemikian adalah komputer, alat-alat telekomunikasi, video dan software komputer. Keutamaan patut diberikan kepada latihan pakar-pakar software serta hardware komputer, dan persediaan bagi pemindahan teknologi ringan. Pemerosesan maklumat merupakan permulaan suatu era baru dan adalah dinasihatkan arus teknologi baru ini dicontohi, bak kata pepatah Inggeris, "An early bird catches the worm".

Sebagai permulaan, murid-murid sekolah patut mempelajari perihal komputer dan membuat persediaan menemui zaman komputer. Sains Komputer patut diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyeru bagi pengagihan peluang-peluang yang lebih adil kepada rakyat Malaysia. Dalam usul beliau semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru kepada rakyat Malaysia supaya berusaha dengan lebih kuat untuk membina sebuah negara yang lebih adil dari segi sosial serta progresif dan kukuh.

Ingin saya meningkatkan Perdana Menteri bahawa terdapat ramai rakyat Malaysia yang ingin berusaha tetapi dinafikan peluang-peluang berbuat demikian, malah mereka berasa dinafikan hak-hak mereka.

Saya merujuk kepada belia-belie yang memohon bagi pekerjaan-pekerjaan di dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi tidak dipilih walaupun mereka layak, menyebabkan wujudnya suatu perkhidmatan yang tidak menggambarkan suatu masyarakat berbilang kaum.

Terdapat juga peniaga-peniaga kecil yang senantiasa memohon untuk memperolehi permit-permit lori tetapi

ditolak. Ramai daripada mereka telah menunggu dengan tabahnya bagi beberapa tahun untuk memperolehi lesen teksi, tetapi tidak berjaya. Dasar lesen-lesen teksi kini yang terlalu menghadkan patut dikaji semula untuk menolong orang awam biasa kedua-dua pemandu dan beribu-ribu orang yang terpaksa menggunakan sistem pengangkutan awam yang begitu buruk.

Saya juga merujuk kepada beribu-ribu rakyat bukan Bumiputera yang tidak mempunyai tanah tetapi benar-benar mengerjakannya, yang tidak diterima ke dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah seperti FELDA atau diberikan tanah untuk dibangunkan atas daya usaha sendiri, tetapi terpaksa mengalami ketidakadilan diusir dari tanah-tanah yang telah diusahakan iaitu selama berdekad-dekad lamanya. Contoh-contoh adalah seperti yang berlaku di Johor dan Lembah Kinta, Kinta Valley. Penuntut-penuntut yang layak juga sedang dinafikan tempat di universiti-universiti tempatan kita. Pendaftaran bagi bukan bumiputera bagi kursus-kursus ijazah merupakan 33%, bagi kursus-kursus diploma di universiti-universiti dan politeknik adalah hanya 15%, walhal bagi kursus sijil adalah 38%. Kini di negara kita hanya ada 7 universiti dan 5 politeknik bagi menampung keperluan-keperluan penuntut-penuntut kita.

Adalah jelas bahawa lebih banyak institusi-institusi ini patut didirikan dan peluang-peluang diberikan kepada rakyat Malaysia muda yang berminat berusaha serta menyumbangkan kepada pembangunan negara kita. Yang menjadi persoalan bukanlah mereka tidak bersedia berusaha serta memberi sumbangan. Yang dibesarkan adalah pemberian peluang-peluang ekonomi dan pendidikan.

Tujuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mahu merujuk kepada angka-angka dan jadual-jadual di dalam kajian

separuh penggal ini telah diselubungi dengan keraguan akibat ketidakseimbangan antara statistik daripada pihak Kerajaan. Atas perkara kemiskinan kajian separuh penggal ini menyatakan bahawa kadarnya dalam tahun 1983 adalah 30.3% walhal SERU pula mendakwa bahawa angkanya adalah 42.8%. Persoalan kemiskinan adalah sesuatu yang amat serius memandangkan matlamat utama DEB adalah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Tetapi nampaknya statistik itu tidak patut, tidak betul.

Satu lagi contoh ketidakseimbangan ini adalah atas persoalan hutang luar negeri (foreign debt). Semasa menjawab soalan saya pada 28hb. Mac tahun ini Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa jumlah hutang luar negeri yang dialami oleh Kerajaan Persekutuan dan badan-badan pemilikan Kerajaan lain adalah \$19 billion akan tetapi pada hari Sabtu lepas Governor Bank Negara telah menyatakan bahawa jumlah hutang di luar negeri adalah \$31 billion. Mana ini? Siapa betul? Ini adalah satu keadaan di mana tangan kanan tidak menyedari apa yang dilakukan oleh tangan kiri atau lebih buruk lagi. Saya berharap bahawa di masa hadapan angka-angka ini tidak akan diubahsuai dalam percubaan untuk menyembunyikan kebenaran kepada rakyat.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kemaman.

3.54 ptg.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):**  
Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan usul kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini, izinkan saya di dalam Dewan yang mulia ini memberi gambaran secara ringkas tentang kedudukan Kemajuan Terengganu yang akhir-akhir ini selalu kedengaran di sana sini dengan diberi jolokan sebagai Kuwait Malaysia ataupun negeri minyak. Dengan nama

jolokan ini ramai orang menyangka bahawa negeri Terengganu telah menjadi kaya raya hasil daripada royalti petroleum yang diperolehinya tiap-tiap tahun daripada PETRONAS.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu dalam tahun-tahun semenjak perusahaan petroleum bermula amatlah menakjubkan. Ini adalah merupakan satu rahmat dan nikmat dari Tuhan yang jarang-jarang kedapatan di negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan (statistics) semenjak perusahaan petroleum Terengganu yang bermula pada tahun 1978 sehingga 1983 iaitu dalam tempoh 5 tahun kebelakang dan ini keluaran kasar KDNK bagi negeri Terengganu berkembang dengan kadar 14.2% setahun. Ini adalah merupakan satu kadar peningkatan yang boleh dibanggakan berbanding dengan tahun-tahun sebelum terjumpanya minyak di luar pantai Terengganu dan berbanding dengan perkembangan ekonomi negara yang mengalami peningkatan sebanyak 6.5% setahun sahaja dan dalam tempoh 5 tahun yang sama juga KDNK per kapita negeri Terengganu telah mencapai ke paras 86% daripada KDNK per kapita negara berbanding dengan 60% pada tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, tahap pencapaian yang ditunjukkan ini adalah boleh dibanggakan juga kerana dalam tempoh yang begitu singkat Terengganu telah berjaya meningkat sebanyak 26% KDNKnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat secara selang pandang sebagaimana saya per katakan tadi tidak siapa yang akan menafikan bahawa Terengganu masih lagi mundur dan ketinggalan di dalam perkembangan kemajuan ekonomi. Ramai orang akan menganggap bahawa banyak kekayaan dapat dikaut dari Terengganu di mana

rakyatnya dianggapkan sebagai mewah-mewah belaka. Kalau kita lihat dari segi pendapatan per kapita mungkin apa yang diperkatakan ini adalah benar, tetapi biarlah saya di sini meninjau dari sudut yang lain pula semoga kita akan dapat gambaran yang sebenarnya. Dalam tahun 1981, pertumbuhan KDNK per kapita bagi negeri Terengganu ialah sebanyak 85% KDNK per kapita negara, sementara dalam tahun 1983 pula peratus ini cuma meningkat sebanyak 1% sahaja dalam tempoh 2 tahun yang kebelakangan ini iaitu di antara 1981-1983, jauh bezanya berbanding dengan 1978-1980 iaitu sebanyak 26%. Kedudukan ini menjelaskan bahawa pengeluaran bahan petroleum bersama-sama dengan perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengannya telah mencapai peringkat yang mendatar dan tidak lagi dapat memberi sumbangan yang lebih banyak untuk meningkatkan lagi KDNK negeri Terengganu kepada KDNK negara. Sungguhpun kadar pertumbuhan tahunan antara 1978-1983 ialah sebanyak 35.6%.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik akan dapat kita lihat dalam arah aliran (trend) pembangunan negeri Terengganu. Ini apabila kita mengambil kira sumbangan sektor-sektor utama yang lain terhadap pembangunan Terengganu. Adalah didapati bahawa kadar pertumbuhan tahunan bagi sektor pertanian, kehutanan, ternakan dan perikanan ialah cuma 9.4% sahaja, sektor pembuatan 10.3%, sektor pembinaan 19.6% dan sementara sektor perkhidmatan pula ialah sebanyak 9.8%.

Berdasarkan kepada statistik-statistik yang saya sebutkan tadi jelaslah kepada kita bahawa dengan adanya minyak, sektor perlombongan ini meningkat dengan tinggi tetapi pada masa yang sama didapati bahawa sektor-sektor utama yang lain tidak dapat mencapai perkembangan yang standing masih lagi rendah dan tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan di negeri Terengganu dalam tahun 1980 adalah setinggi 52.9% berbanding dengan kadar kemiskinan bagi seluruh negara sebanyak kira-kira 34.6%, manakala kadar kemiskinan di negeri Terengganu pada tahun 1983 dianggarkan sebanyak 46.8% berbanding dengan 32.5% bagi seluruh negara.

Kadar pengangguran di negeri Terengganu dalam tahun 1980 adalah sebanyak 8.8% dan dalam tahun 1983 sebanyak 8% berbanding dengan kadar pengangguran di seluruh negara yang dalam lengkongan sebanyak 6%.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemajuan sosial pula, dalam tahun 1978 nisbah guru kepada murid adalah seramai 1:27 murid dan sungguhpun keadaan ini bertambah baik dalam tahun 1982 dengan nisbah sebanyak 1:25 orang murid.

Kadar kematian bayi di negeri Terengganu dalam tahun 1980an ini masih lagi tinggi iaitu sebanyak kira-kira 3.7% berbanding dengan kadar kematian bayi bagi peringkat negara sebanyak 2.8%. Sementara itu pula, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1982 nisbah doktor kepada penduduk di negeri Terengganu adalah sebanyak 1:5,700 orang penduduk berbanding dengan nisbah seluruh negara sebanyak 1:3,850 penduduk.

Jadi dari perangkaan-perangkaan yang saya berikan sekejap tadi dapatlah digambarkan bahawa kemunculan perusahaan petroleum belum lagi dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran dengan banyaknya di negeri Terengganu, ianya tidak juga dapat memperbaiki taraf hidup dan sosial rakyat di negeri Terengganu. Penyerapan dan kesan-kesan projek perusahaan petroleum di negeri Terengganu terhadap rakyat tempatan belum lagi dapat diperlihatkan dengan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu pula perkembangan sektor pertanian mempunyai batas-batas tertentu. Selain daripada menghadapi risiko yang tinggi, kadar pengeluaran pertanian di negeri Terengganu ternyata lebih rendah daripada negeri-negeri lain di Malaysia Barat ini kira-kira 70% sahaja. Pengeluaran padi misalnya petani-petani di negeri Terengganu masih bertungkus-lumus untuk mencapai pengeluaran 500 gantang seekar sedangkan di negeri Kedah pengeluaran 800 gantang seekar adalah perkara biasa sahaja pada ketika ini. Di antara sebab-sebab kemunduran kadar pengeluaran hasil pertanian ini adalah faktor iklim dan kesuburan tanah di negeri Terengganu secara amnya. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian khususnya perlu berkembang dan meningkatkan pengeluarannya kerana dalam sektor inilah masih banyak terdapatnya golongan miskin dan pendapatan golongan miskin ini perlu dinaikkan dan ditambahkan. Oleh kerana adanya perusahaan petroleum adalah membanggakan bahawa pertambahan penduduk akan berlaku melalui penghijrahan dari tempat-tempat lain, kuasa membeli (purchasing power) akan turut juga bertambah baik, pengeluaran sektor pertanian tidak dapat ditingkatkan setimpal dengan permintaan yang akan bertambah itu nescaya gejala-gejala inflasi akan melanda negeri Terengganu. Begitu juga dengan pengeluaran sektor-sektor lain seperti pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan perlulah dipertingkatkan agar tekanan-tekanan inflasi dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, inflasi adalah merupakan satu-satunya dari kesan buruk, satu realiti yang terdapat di negeri Terengganu sekarang ini dengan adanya perusahaan petroleum di mana barang-barang keperluan harian, sewa rumah, upah, perkhidmatan dan sebagainya naik melambung tinggi bukan sahaja di kawasan-kawasan yang menikmati projek-projek perusahaan

petroleum, tetapi kesannya juga menjangkit dan menular ke daerah-daerah yang berhampiran. Rakyat yang bergaji dan berpendapatan rendah teruk menderita, menderita oleh inflasi yang diimport dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran-gambaran yang saya berikan tadi dengan menggunakan perangkaan-perangkaan yang ada pada saya, secara selayang pandang, maka dapatlah dibayangkan bahawa Terengganu sebagai "Kuwait Malaysia" adalah satu khayalan semata-mata bukannya satu realiti yang mesti dibanggakan. Terengganu masih kekal sebagai sebuah negeri kurang maju yang diselubungi dengan kadar kemiskinan yang tinggi dengan pendapatan isi rumah per kapita sebanyak \$70 sebulan iaitu 74% daripada purata negara dan Terengganu jatuh di tempat ketiga dalam taraf kemiskinan antara negeri-negeri di Malaysia ini. Namunpun demikian Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan orang-orang Terengganu bahawa perusahaan petroleum hendaklah dimendorong kepada pembangunan sosioekonomi di negeri ini untuk mencapai matlamat sebagaimana dirancangan. Penyertaan rakyat tempatan terutamanya kaum Bumiputera hendaklah diberi keutamaan dalam perusahaan petroleum ini untuk memberi erti yang sebenar terhadap pembangunan yang diperlukan dan juga yang harusnya berlaku di negeri Terengganu dan seterusnya mencapai Dasar Ekonomi Baru dalam konteks ekonomi yang kian berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sumber petroleum digunakan sepenuhnya yang mungkin bagi membangunkan negeri yang kurang maju seperti Terengganu ini, pertimbangan juga hendaklah dibuat agar penyebaran projek perusahaan petroleum ditempatkan di kawasan-kawasan yang masih mundur di negeri Terengganu. Menyalur keluar sumber

petroleum di luar sempadan negeri Terengganu hendaklah ditanggukkan sehingga semua pihak yang lain telah yakin dan puashati bahawa sumbangan perusahaan petroleum terhadap pembangunan sosio ekonomi negeri Terengganu telah mencapai atau telah pun dapat mengikuti matlamat sebagaimana yang diidamkan oleh rakyat negeri Terengganu itu sendiri.

Dari pengalaman yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara hanya sanggup datang ke Terengganu kerana terdapatnya sumber petroleum di negara ini tanpa sumber yang bernilai ini mereka tidak sanggup datang ke negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, penanguhan menyalur sumber petroleum hendaklah diambil sebagai satu isu yang serius demi untuk pembangunan masa depan negeri Terengganu. Saranan ini mungkin dianggap sebagai terlalu kedaerahan ataupun kenegerian, tetapi keadaan yang dihadapi ialah nyata sekali bahawa negeri Terengganu adalah sebuah negeri yang mundur dan berhasrat untuk meningkatkan sosioekonomi setanding dengan negeri-negeri lain adalah tinggi sekali. Jika sumber minyak dan gas disalurkan ke negeri-negeri lain yang maju sebelum negeri Terengganu mencapai tahap pembangunan yang setanding dengan negeri-negeri lain, adalah dikhuatiri negeri ini di satu masa nanti akan ketinggalan kembali seperti dalam tahun-tahun 1970an juga. Para-pelabur akan terus memilih negeri-negeri lain yang telah pun maju untuk ditempatkan projek-projek mereka, jadi kesimpulannya janganlah timbul sebarang helah dari mana-mana pihak yang menyatakan bahawa oleh kerana negeri Terengganu ini telah pun kaya-raya maka tidak perlulah diberi secara bantuan untuk memperbaiki kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan. Hakikat yang sebenarnya bahawa pembangunan negeri

Terengganu sekarang kelihatan tanda-tanda kadar pertumbuhan yang tidak dapat dikekalkan lagi malah telah jatuh di bawah paras yang dirancang, melainkan perusahaan-perusahaan petroleum dapat terus memberi impetus dengan izin, kepada pembangunan sosioekonomi negeri Terengganu di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin dibangkitkan di sini dalam masalah ekonomi antarabangsa. Pada hari ini sering kedengaran di sana-sini para-para pemimpin kita memberitahu bahawa sekarang ini ekonomi dunia sedang meleset disebabkan oleh kadar pertumbuhan yang lembab di negara-negara maju. Ini telah mengakibatkan pertumbuhan perdagangan dunia menjadi lesu di mana kejatuhan harga barangan utama negara kita telah menjejaskan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, ungkapan ekonomi dunia meleset ini bukanlah merupakan satu helah ataupun justification yang diberikan. Ini tidak menjadi batu penghalang kepada Kerajaan untuk terus berusaha bagi mencapai matlamat yang telah digariskan.

Sumber-sumber yang sedia ada hendaklah digembelngkan dengan sepaling optima yang boleh dan jalan keluar yang lain hendaklah sentiasa dicari supaya dapat kita lari dari perangkap kemelesetan ekonomi dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ungkapan ataupun "justification" yang diberikan tadi jelaskan kepada kita bahawa di peringkat antarabangsa keadaan ekonomi seluruh dunia tidak akan pulih secepat yang kita harapkan. Negara-negara membangun seperti Malaysia akan terus ditindas dengan senjata

ekonomi oleh negara-negara maju. Usaha-usaha negara-negara maju ini di forum-forum antarabangsa terus disekat oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi. Amerika Syarikat dan beberapa buah negara maju lain berdegil untuk bersama-sama negara membangun dari berbincang dengan seriusnya terhadap pencapaian satu objektif untuk menyelesaikan keadaan ekonomi yang kusut ini. Pembentukan sistem baru ekonomi dunia juga turut disekat oleh negara-negara yang maju ini. Teori mereka untuk membetulkan keadaan negara mereka sendiri dahulu dan kemudian percaya bahawa pembetulan kepada negara-negara lain akan turut sama selepas itu adalah merupakan satu teori negara yang angkuh dan suka menindas.

Saya mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan usaha-usaha Kerajaan dalam mencari penyelesaian terhadap Dialog Utara-Selatan yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini sempena lawatan beliau ke negara-negara maju, terutama sekali ke Amerika Syarikat kerana cara ini memanglah paling berkesan dan usaha-usaha menyedarkan keadaan yang sebenarnya kepada negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinannya sebab utama sikap negara maju begitu keras tidak mahu mencari jalan yang baru yang boleh menguntungkan semua pihak ialah kerana kekurangan kuasa tawar-menawar (bargaining power) oleh negara-negara membangun, terutama sekali Negara-negara OPEC. Oleh hal yang demikian, saya percaya Malaysia haruslah terus bergiat dalam lapangan memperbanyakkan usaha-usaha dan kerjasama antara negara-negara membangun secara sendiri ataupun lebih dikenali sebagai "Selatan-Selatan".

Saya percaya kedudukan Malaysia sebagai satu negara membangun yang berjaya meningkatkan ekonomi

walaupun dalam keadaan kemerosotan ekonomi dunia sekarang ini dan secara kumpulan pula bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN yang lain boleh membimbing secara efektif negara-negara membangun yang lain untuk memberi makna yang lebih kepada usaha-usaha kerjasama "Selatan-Selatan" ini.

ASEAN sebagai satu kumpulan negara-negara membangun telah menunjukkan betapa efektifnya kerjasama sesama sendiri dan telah boleh meningkatkan ekonomi negara masing-masing. Saya percaya dari pengalaman tersebut ASEAN bukan sahaja harus menjadi satu contoh tetapi sebaik-baiknya membimbing negara-negara membangun yang lain. Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia khususnya harus memainkan peranan yang utama sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam masalah Antartika.

Saya juga percaya usaha-usaha yang lebih giat lagi dalam kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun haruslah diberi keutamaan sebagai satu-satunya jalan untuk keluar daripada perangkap kemelesetan ekonomi dunia yang saya sebutkan tadi.

Lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ke Brazil baru-baru ini dan kejayaan lawatan tersebut seharusnya memberi lebih minat kepada kita untuk memperluaskan lagi perdagangan dengan negara-negara Amerika Selatan yang lain. Kita juga harus terus bergiat di dalam kerjasama antara negara-negara berkecuali kerana kekukuhan dalam kerjasama ekonomi, bererti juga kekukuhan dalam politik. Banyak bidang kerjasama di dalam usaha-usaha negara-negara berkecuali untuk meningkatkan ekonomi negara-negara membangun yang dapat kita sumbangkan dan dapat kita sumbangkan daripada negara-negara yang berkecuali tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kurangnya pemberian ODA (Official Development Assistant) oleh negara-negara maju kepada negara-negara yang paling memerlukan atau lebih dikenali dengan gelaran sebagai "Least Developed Countries" haruslah dikecam oleh kita. Bangsa-bangsa Bersatu telah pun menetapkan angka peratusan KDNK mereka yang harus negara-negara maju hulurkan kepada kumpulan-kumpulan negara "Least Developed Countries" ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya amatlah menyanjung tinggi sikap Malaysia yang telah juga mewujudkan satu unit khas bagi tujuan memberi bantuan kepada negara-negara kurang maju seperti Mali setakat mana yang termampu oleh kita. Tindakan kita haruslah menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu penting pada pendapat saya pada hari ini ialah masalah telah pun dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli sebelum daripada saya ini, iaitu masalah isu pemindahan teknologi (transfer of technology). Isu ini amat penting kerana sebagai satu negara yang sedang membangun seperti Malaysia kita akan terus memerlukan teknologi-teknologi yang baru dan yang bersesuaian untuk kita ceburi di lapangan industri supaya dapat kita mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk membentuk satu cara pemindahan teknologi yang teratur di peringkat antarabangsa mula mendapat perhatian pada tahun 1975 lagi. Usaha-usaha ini pada mula-mulanya dilakukan di Negara-negara Amerika Latin yang mana pada masa itu tingkat perkembangan ekonominya memerlukan kemasukan teknologi-teknologi baru. Walau bagaimanapun, sehingga ini masih tidak ada lagi satu perjanjian antarabangsa mengenai perpindahan

teknologi walaupun perkara ini kerap menjadi tajuk utama di forum-forum antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di sini usaha-usaha awal dan usaha-usaha yang serius pada masa ini adalah dibuat oleh negara-negara di Latin Amerika seperti Mexico dan Brazil yang merupakan negara membangun utama mengimport teknologi dari negara-negara maju. Di Asia pula, India adalah negara yang paling aktif mengimport teknologi dari negara maju. Jadi, kalau kita selidiki, jelaslah bahawa di lapangan pemindahan teknologi ini banyak yang boleh kita contohi dari negara-negara Latin Amerika dan kerana itulah kita seharusnya mempergiatkan lagi kerjasama antara kita dengan negara-negara Latin Amerika yang pada kebetulanannya pendapatan per kapita mereka adalah hampir-hampir sama dengan pendapatan per kapita di negara kita.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

*4.18 ptg.*

**Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Saya bagi pihak penduduk di Ulu Rajang memberi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah berjaya mengemukakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang begitu cemerlang. Memanglah kajian ini membolehkan Kerajaan menilai prestasi ekonomi serta membentuk langkah-langkah yang perlu untuk mengekalkan kemajuan selanjutnya. Kajian ini juga menunjukkan arah-arah baru dari segi pembangunan dan

pelaksanaan strategi yang perlu dilaksanakan bagi tujuan memastikan supaya negara kita Malaysia terus maju dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sampai sekarang telah pun mencapai banyak kejayaan dari segi pembangunan, walaupun di bandar ataupun di luar bandar. Sejak negara kita Malaysia ini merdeka, banyak sekolah telah dibina, begitu juga dengan lebuhraya, hospital dan kemudahan-kemudahan yang lain. Begitu juga kita sebagai rakyat Malaysia janganlah lupa bahawa kita baru sahaja mencapai kemerdekaan selama 27 tahun dan jikalau dibandingkan dengan manusia yang berumur 25 tahun, sudah pastilah bahawa negara kita Malaysia yang begitu muda sudah mencapai kemajuan yang seimbang dengan umurnya. Bukan sahaja kita mencapai kemajuan dari segi pembangunan bahkan juga negara kita menikmati perpaduan dan juga yang penting keamanan. Maka dengan ini negara kita Malaysia dapatlah mengimplementasikan pembangunan demi untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, memang semua kita bersetuju bahawa iaitu kestabilan adalah perlu untuk negara kita Malaysia jikalau mahu terus mencapai kemakmuran oleh kerana maka lahirnya satu polisi yang dinamakan Dasar Ekonomi Baru atau, dengan izin, the New Economic Policy yang mempunyai dua objektif iaitu pertama, membasmi-kan kemiskinan dan yang kedua ialah menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kedua-dua objektif Dasar Ekonomi Baru adalah bagus dan disukai oleh semua rakyat khususnya rakyat luar bandar tetapi kita mestilah tahu bahawa kedua-dua objektif ini susahlah hendak dicapai oleh kerana berbagai-bagai faktor. Satu faktor yang penting ialah keadaan kewangan negara.

Apa yang telah diterangkan di buku *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat*, kemiskinan di negara ini adalah berlainan dari kemiskinan di negara-negara yang lain iaitu yang dialami di Malaysia adalah dikatakan "relative poverty" dan bukanlah "absolute poverty". Tetapi sebagai pandangan saya, kemiskinan walaupun "relative" ataupun "absolute" adalah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, relative poverty akhirnya akan menjadi absolute poverty jikalau kita tidak mengawal penyakit kemiskinan ini dengan awal. Prevention is always better than cure, dengan izin. Ini adalah oleh kerana kenaikan taraf hidup iaitu kenaikan harga-harga barang keperluan. Memang jikalau seseorang itu mempunyai kerja maka gajinya akan naik seimbang dengan kenaikan harga barang keperluan.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963 gaji Ahli Parlimen tidak sebanyak gaji Ahli Parlimen pada tahun 1983 oleh kerana kenaikan taraf hidup, tetapi apakah.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, Ahli Parlimen tak ada gaji.

**Tuan Justine anak Jinggut:** Elaun, minta maaf Yang Berhormat.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Nanti Jabatan Hasil Dalam Negeri cari (*Ketawa*).

**Tuan Justine anak Jinggut:** Tetapi apakah akan terjadi kepada penduduk-penduduk luar bandar seperti kawasan pendalaman iaitu kawasan saya sendiri di mana mereka tidak mempunyai elaun ataupun gaji. Macam manakah mereka ini akan cope-up, dengan izin, dengan harga barang yang sentiasa naik tahun demi tahun.

Misalnya di kawasan saya sendiri petrol adalah dianggap sebagai barang keperluan oleh kerana diguna oleh

outboard engine yang mereka pakai untuk perjalanan mereka dari satu tempat ke satu tempat. Pada tahun 1970 harga petrol satu gelen ialah lebih kurang \$2.40 sen tetapi sekarang adalah \$6.80 sen. Jadi akhirnya orang-orang yang sekarang dikatakan mengalami relative poverty akan akhirnya mengalami absolute poverty oleh kerana mereka tidak dapat cope-up dengan taraf hidup yang sentiasa naik. Memanglah sekarang mereka ini dapat mencari ikan di sungai dan binatang di hutan tetapi berapa lamakah.

Tuan Yang di-Pertua, maka oleh kerana ini saya akan menumpukan ucapan saya kepada tiga buah perkara iaitu pertanian mengenai taraf hidup para petani dan sistem bertani di Sarawak khususnya di kawasan yang mundur dan yang terperinci yang mempunyai tanah yang luas akan tetapi tidak digunakan. Yang kedua mengenai kesihatan luar bandar dan yang ketiga ialah mengenai pelajaran. Ketiga-tiga perkara ini agak menarik hati saya oleh kerana saya menganggap ketiga-tiga perkara ini sebagai penting untuk menaikkan taraf hidup penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menumpukan ucapan saya khususnya kepada Sarawak bukanlah bermakna saya tidak mempedulikan masalah di Semenanjung atau menganggap di Semenanjung tidak mempunyai masalah bahkan supaya rakan-rakan saya Yang Berhormat dari Semenanjung dapat memahami keadaan di Sarawak. Ini adalah supaya kita dapat bekerjasama untuk mencapai kemajuan khususnya kepada kawasan-kawasan luar bandar yang begitu mundur.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, diri kita mengalami masalah antara satu sama lain dan memberi priority pembangunan yang berpatutan supaya satu kaum tidak merasa kurang diberi perhatian yang sewajarnya dan ini akan menguatkan integrasi nasional di mana satu hari

nanti tidak ada lagi orang mengatakan dia adalah orang Semenanjung, ini orang Sarawak atau orang Sabah akan tetapi semua mengatakan dia adalah orang Malaysia.

Mengenai pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu memberi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah berjaya melancarkan satu dasar pertanian yang dinamakan Dasar Pertanian Baru. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pertanian adalah menjadi cara hidup bagi penduduk-penduduk luar bandar walaupun di Semenanjung ataupun Sarawak dan Sabah. Pada waktu sekarang lebih daripada setengah daripada penduduk-penduduk luar bandar di Malaysia adalah terdiri daripada kaum petani dan juga kebanyakan petani ini adalah kaum Bumiputera. Jika kemajuan hendak dicapai dalam usaha membasmikan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup isi rumah luar bandar, beberapa penyesuaian semula perlu dibuat di sektor luar bandar terhadap strategi pembangunan pertanian. Apa yang disebut di dalam dasar pertanian baru terhadap perubahan strategi pembangunan pertanian ialah meninggikan pendapatan dari kebun ke paras maksimum dengan meningkatkan daya pengeluaran pertanian. Untuk meningkatkan daya pengeluaran ke paras maksima adalah berasaskan pengeluaran secara cekap yang melibatkan pemulihan tanaman yang memberi peluang pulangan tinggi dan penggunaan teknologi yang paling cekap.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu sekarang petani luar bandar di Sarawak tidak dapat meninggikan pendapatan dari kebun ke paras maksima oleh kerana daya pengeluaran adalah terlalu rendah. Ini adalah oleh kerana sebab-sebab seperti kaedah pengeluaran yang tradisional, tanaman yang tidak memberi pulangan yang memuaskan dan juga saiz kebun yang tidak ekonomik.

Misalnya para petani padi di kawasan saya yang menanam padi bukit menanam padi di kawasan yang luas dan tidak memberi pendapatan yang seimbang. Padi yang ditanam itupun selalunya tidak cukup untuk kegunaan diri sendiri, begitu juga tanaman seperti ini yang dinamakan "Shifting cultivation" adalah membazirkan banyak tanah.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada waktu sekarang oleh kerana dasar Kerajaan Sarawak tidak mengizinkan para petani untuk mempraktikkan shifting cultivation ini, kebanyakan daripada mereka hanya menanam padi di kawasan yang dinamakan Temuda. Oleh kerana ini maka masalah yang lain timbul.

Selepas beberapa tahun tanah di kawasan Temuda itu tidak lagi mempunyai fertility, akhirnya pendapatan mereka pun turun. Sebab-sebab mengapa tanah Temuda ini tidak lagi mempunyai fertility ialah oleh kerana, dengan izin, washing away of top soil oleh hujan yang lebat. Juga subsidi-subsidi yang ada pada waktu sekarang dari segi baja dan lain-lain tidaklah mencukupi dibandingkan dengan jumlah-jumlah para petani. Oleh kerana ini maka saya bercadang kepada Kerajaan supaya satu sistem pembangunan pertanian luar bandar yang mempunyai kawasan yang banyak bukit patutlah diadakan untuk mengelakkan masalah ini. Saya juga percaya sistem terracing seperti yang ada di Filipina dan Indonesia dapatlah diadakan di kawasan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah lamalah saya melihat kaum petani ini yang bekerja tidak mempunyai sistem supaya mereka dapat meningkatkan daya pengeluaran ke paras maksima. Juga mereka ini bekerja sebanyak 365 hari dalam setahun tetapi hanya mendapat pendapatan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu sekarang banyak infrastruktur dari segi logging road sudah ada, saya merasa hairan mengapa Kerajaan tidak menggunakan kemudahan ini untuk membuka satu rancangan tanaman di kawasan yang mundur di Sarawak, seperti kawasan saya.

Sebagai pandangan saya sendiri pada waktu sekarang kita tidak dapat membangunkan kawasan seperti Ulu Rejang melainkan membuka satu rancangan skim besar-besaran. Ini adalah oleh kerana penduduk-penduduk di kawasan ini adalah tinggal bertumpuk-tumpuk dan susah hendak dihubungi, apa lagi jikalau kita hendak memberi kemudahan-kemudahan kepada tiap-tiap buah rumah panjang adalah tidak praktikal oleh kerana menelan belanja yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu master plan bangunan jangka panjang patutlah diadakan di kawasan yang mundur supaya plan itu dapat diikuti tahun demi tahun.

Seseorang Ahli Parlimen mengganti seseorang dan mereka ini tidak dapat membuat apa-apa untuk menaikkan taraf hidup para penduduk luar bandar di kawasan saya.

Apa yang dapat diberi kepada penduduk ialah hanya dari segi minor rural project atau mrp atau projek-projek kecil luar bandar. Ini sebagai pandangan saya tidak akan menaikkan taraf hidup mereka bahkan hanya, dengan izin, spoil penduduk-penduduk. Pada waktu sekarang kebanyakan daripada penduduk ini mempunyai expectation yang tinggi terhadap mrp akhirnya mempunyai attitude yang salah iaitu apa yang mereka mahu sekarang mereka hanya meminta dengan Kerajaan. Jadi spoon feeding policy ini akan memberi kesan yang buruk akhirnya. Mereka ini akhirnya akan tidak dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, attitude mereka terhadap mrp adalah selalunya salah seperti menganggap projek itu tidak sebagai harta benda mereka sendiri tetapi harta benda Kerajaan dan mereka tidak menjaga projek itu dengan cermat dan akhirnya beribu-ribu ringgit duit Kerajaan dibuang dengan tidak bererti. Jikalau kita melihat jadual kadar kemiskinan mengikut keturunan kaum, ketua isi rumah tahun 1982 di Sarawak maka kita melihat kaum Bidayoh yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi iaitu 64.9% dan diikuti oleh kaum Iban yang mempunyai 48.7%.

Tuan Yang di-Pertua, ini amatlah menarik fikiran saya, ini adalah oleh kerana kebanyakan daripada kedua-dua kaum ini adalah terdiri daripada kaum petani, memanglah benar untuk mencapai sesuatu pembangunan semua golongan mestilah mengambil tanggungjawab masing-masing.

Saya berharap Kerajaan dapat menubuhkan satu committee untuk mengkaji masalah kemiskinan ini supaya satu strategi yang berpatutan dapat dicapai.

Saya juga mengambil kesempatan untuk memberitahu Kementerian Pertanian untuk mengambil tindakan selanjutnya iaitu mengenai satu mini scheme yang ada sekarang iaitu Skim TUNO yang bertempat di Sungai Tuno, Ulu Mujong di Bahagian Ketujuh Sarawak. Skim ini sekarang telah tidak diberi perhatian yang sepatutnya oleh Kerajaan. Di sini saya menyeru Kementerian berkenaan supaya dapat menyiasat perkara ini.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai penyertaan perusahaan swasta dalam pembangunan pertanian. Ini adalah amat dialu-alukan oleh saya, memanglah sampai sekarang Kerajaan telah banyak terlibat dalam sektor pertanian. Dan berjuta-juta ringgit telah

diperuntukkan kepada pembangunan pertanian. Oleh kerana ini kita mempunyai masalah kekurangan peruntukan untuk membangunkan pertanian. Untuk memperkenalkan penyertaan perusahaan swasta dalam pembangunan pertanian adalah wajar dan berpatutan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mestilah berjaga-jaga dan mengkaji penyertaan perusahaan swasta dengan teliti supaya rakyat tidak menjadi mangsa.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan supaya satu sistem supaya penduduk-penduduk yang duduk di kawasan yang akan dibukakan untuk pertanian oleh syarikat swasta dapat menyertainya iaitu supaya penduduk mempunyai saham-saham yang diberi oleh perusahaan swasta itu. Ini bukanlah bermakna syarikat swasta itu memberi penduduk itu share kosong, bahkan share itu adalah oleh kerana tanah mereka yang digunakan oleh syarikat-syarikat swasta itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai kesihatan luar bandar. Pada pendapat saya kesihatan luar bandar amatlah mustahak. Ini adalah oleh kerana jikalau kita bandingkan dengan bandar, di luar bandar memanglah kita mengerti di bandar sudah mereka mempunyai hospital yang dipunyai oleh Kerajaan juga mereka ini mempunyai klinik-klinik swasta atau private clinic. Tetapi kalau kita melihat keadaan kesihatan luar bandar, khususnya kawasan-kawasan yang terpencil, keadaannya adalah berlainan. Mereka yang duduk di luar bandar itu bergantung kepada klinik desa luar bandar yang mempunyai kelengkapan yang tidak cukup.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, iaitu di daerah Belaga, di Bahagian Ketujuh Sarawak. Daerah Belaga ialah daerah yang ulu sekali di Bahagian Ketujuh Sarawak dan mempunyai penduduk lebih kurang

20,000 orang. Kita hanya dapat pergi ke daerah Belaga hanya menaiki ekspres bot yang mengambil masa lebih kurang 6 jam dan bot ekspres itu hanya pergi sekali sehari, jikalau sungai ini mengizinkan. Daerah ini hanya mempunyai dispensary yang kecil. Saya sudah beberapa kali bercakap di Dewan yang mulia ini menyeru Kerajaan mengadakan satu health centre yang mempunyai seorang doktor tetapi sampai sekarang Kementerian berkenaan masih menyatakan Kementerian tersebut masih tidak mempunyai peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu daerah yang terpencil seperti Belaga patutlah mempunyai sesuatu hospital kecil yang mempunyai seorang doktor. Buat waktu sekarang jikalau seseorang penduduk mengalami penyakit yang teruk, tidaklah dapat dikawalkan di daerah tersebut tetapi terpaksa dihantarkan ke daerah Kapit atau Sibul.

Jikalau pesakit itu mempunyai penyakit yang teruk maka habislah cerita. Saya sendiri telah menjumpai satu keadaan di mana satu pesakit itu tidak sampai ke daerah Kapit dan mati di pertengahan jalan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, amatlah menyedihkan. Saya bukanlah meminta banyak, hanya satu health centre yang mempunyai seorang doktor di mana satu transit station dapat diadakan supaya pesakit-pesakit yang teruk dapat dirawat sementara menghantarkan si pesakit itu ke hospital besar seperti yang ada di Kapit atau Sibul atau di Kuching.

Saya berharap bahawa Kementerian berkenaan dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya terhadap keadaan seperti ini. Saya berharaplah supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat melawat daerah seperti daerah Belaga supaya dapat melihat keadaan yang sebenarnya berlaku.

Saya ingin memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah menambahkan peruntukan kepada Sarawak iaitu

daripada \$43.16 juta kepada \$64.62 juta dan saya berharap supaya suatu Health Centre dapat diadakan di daerah Belaga dan juga di daerah-daerah lain yang memerlukan.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran, terlebih dahulu saya memberi tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pelajaran kerana telah menambahkan peruntukan ke Sarawak daripada \$223.9 juta kepada \$359.07 juta. Saya berharap dengan adanya tambahan ini, Kementerian berkenaan dapatlah menaikkan taraf sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu saya menceritakan keadaan sekolah di luar bandar di Sarawak oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri sedar tentang keadaan sekolah luar bandar di Sarawak seperti kekurangan tempat kediaman murid, kekurangan bilik darjah, kekurangan library, kekurangan alat-alat permainan dan kekurangan kemudahan-kemudahan yang lain patutlah diberi perhatian oleh Kementerian berkenaan.

Jika dibandingkan dengan murid-murid di bandar, taraf pelajaran murid-murid di luar bandar adalah jauh ketinggalan. Ini adalah oleh kerana murid-murid di luar bandar tidak mempunyai "exposure" seperti yang ada di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini patutlah dikaji dengan teliti kerana mereka di luar bandar ialah seperti orang yang "deprived" kerana mereka tidak diberi peluang dengan mempunyai kemudahan yang patut digunakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana taraf pelajaran mereka adalah rendah, maka murid-murid itu tidaklah dapat meninggikan pelajaran mereka ke peringkat universiti. Jadi oleh kerana taraf pelajaran mereka adalah rendah, sudah pastilah taraf hidup merekapun semakin turun.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru khasnya Kementerian Pelajaran mestilah menumpukan fikiran mereka kepada keadaan sekolah luar bandar. Kita tidak dapat membasmikan kemiskinan di luar bandar, jika kebanyakan daripada penduduk luar bandar adalah orang buta huruf atau mempunyai pelajaran sekolah rendah sahaja. Saya juga bercadang supaya Kementerian Pelajaran dapat menubuhkan satu badan di Kementerian tersebut supaya dapat dikaji dengan teliti keadaan sebenarnya di sekolah-sekolah luar bandar khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Televisyen Malaysia Rangkaian Ketiga saya ingin memberi tahniah ke atas kemajuan rangkaian tersebut khususnya di Sarawak dan Sabah dan saya berharap Kementerian berkenaan akan dapatlah meninggikan taraf rangkaian tersebut supaya dapat memainkan peranan yang lebih lagi berkesan kepada penduduk di Sarawak dan di Sabah khususnya penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, memanglah, Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita apabila beliau membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, masing-masing mahu lebih banyak peruntukan untuk Kementerian mereka, untuk negeri mereka, untuk kawasan mereka, untuk projek mereka. Ini adalah benar. Tetapi kita sebagai Kerajaan patutlah mengkaji tempat-tempat yang benar-benar memerlukan sesebuah projek.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan kita tidak dapat memberi semua negeri apa yang mereka mahu. Soal saya di sini sebagai Wakil Rakyat dari Ulu Rejang adalah kawasan seperti kawasan saya ini, belum lagi mencapai kemudahan asas (basic necessities).

Rumah pun tidak tentu, tandas pun tidak ada, bekalan air pun tidak ada. Jadi patutlah Kerajaan memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, the country's resources must be used properly to ensure the life of the future generations.

Jikalau kita melawat ke kawasan Ulu Rejang, ianya adalah mempunyai sumber-sumber kekayaan seperti kayu balak yang telah memberi banyak pendapatan kepada Kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta. Saya tidaklah mengatakan ini adalah salah untuk pihak Kerajaan memberikan lesen-lesen kepada syarikat-syarikat atau tauke-tauke yang kaya itu. Jika Kerajaan hendak memberi lesen kepada penduduk-penduduk rumah panjang di Ulu Rejang, merekapun tidak mempunyai wang malahan untuk membeli beras, apatah lagi untuk mempunyai wang untuk melaksanakan projek balak itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apalah salahnya jika kita memberikan "certain percentage" kepada penduduk-penduduk tempatan kepada "Trust Fund" mereka supaya kemudahan asas mereka dapat dicapai. Mereka yang miskin itu tidaklah minta banyak, cuma 1% pun boleh.

Dengan ini saya bagi pihak kawasan saya sendiri menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.44 ptg.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyokong dan memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan kerana telah membawa satu

kajian iaitu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ke Dewan yang mulia ini.

Kajian semula ini ternyata untuk memperkemas lagi dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk meninggikan pertumbuhan ekonomi dengan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam negara kita. Yang nyata kepada kita Kerajaan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meninggikan pembangunan dan meningkatkan lagi ekonomi negara bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di kala mana tindakan-tindakan dijalankan dengan penuh berhati-hati bagi mengatasi tekanan kemelesetan ekonomi negara akibat dari kemelesetan ekonomi dunia.

Semua usaha dan kajian yang telah dicapai selama ini iaitu semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, lebih-lebih lagi semenjak negara ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir telah menunjukkan betapa bersungguh-sungguhnya Kerajaan berusaha untuk memenuhi hasrat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dari kejayaan-kejayaan yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa dan dari kecekapan yang telah ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin serta kakitangan-kakitangan Kerajaan, masih terdapat banyak perkara-perkara yang perlu diperbaiki yang perlu diperkemas lagi kerana kelemahan-kelemahan itu selalunya menimbulkan rasa kecewa rakyat terutamanya kepada penduduk di kawasan pedalaman yang terdiri dari para petani dan nelayan yang rata-rata hidup mereka dengan pendapatan yang rendah.

Oleh kerana sebahagian besar daripada rakyat di dalam negara kita ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, maka segala

rancangan dan program yang hendak dilaksanakan semestinya sentiasa mengambil kira akan masalah dan kepentingan mereka itu. Janganlah sampai segala pembaharuan terutamanya dalam memperkembangkan lapangan perdagangan dan perindustrian ataupun meninggikan pendapatan negara seperti kerapnya berlaku kenaikan cukai, golongan-golongan yang berpendapatan rendah ini akan menerima kesan menanggung beban-beban dari rancangan-rancangan ini.

Sebagai contoh kepada masalah ini ialah rakyat kita sentiasa menghadapi kenaikan harga barang-barang. Golongan-golongan yang berpendapatan rendah ini sentiasa mengeloh dengan kenaikan harga barang-barang keperluan mereka sehari-hari. Barang-barang keperluan untuk mengisi perut, keluarga dan anak-anak. Ini adalah kesan dari kenaikan cukai. Cukai kepada bahan-bahan penting seperti petroleum dan juga pemotongan subsidi disel serta kenaikan cukai barang-barang kegunaan setiap hari. Apa yang dihadapi oleh rakyat, setiap kali cukai dinaikkan oleh Kerajaan maka rakyatlah yang menanggung. Cukai yang dinaikkan itu menyebabkan peniaga-peniaga dan pemodal-pemodal menaikkan harga barang mereka. Mereka sendiri masih terus mendapat keuntungan yang sama bahkan mungkin lebih dari keuntungan yang didapati mereka sebelum itu.

Di sini jelas kenaikan cukai tidak menjadi beban kepada peniaga-peniaga, kepada pemodal-pemodal, sebaliknya yang menanggung beban ialah rakyat jelata. Rakyat memang sedar bahawa pihak-pihak pemodal, pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga adalah golongan yang berpendapatan mewah atau sekurang-kurangnya berpendapatan sederhana. Mereka hidup dengan penuh kemewahan dan kaya-raya. Peniaga-peniaga kecil terutamanya di bandar-bandar adalah golongan yang hidup mereka lebih terjamin dari penghidupan

para-para petani dan nelayan yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan juga di pinggir-pinggir pantai. Akibat daripada kenaikan harga barang-barang ini orang-orang yang miskin, para-para pengguna yang menjadi mangsa. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengambil tindakan yang tegas dan mencari langkah yang lebih berkesan bagi mengawal tindakan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan yang berlaku akibat daripada kenaikan cukai. Tindakan mengawal kenaikan harga barang-barang dan seterusnya menurunkan semula harga barang-barang keperluan sehari-hari supaya nasib pengguna-pengguna khususnya golongan yang berpendapatan rendah ini terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam bidang pelajaran. Di dalam usaha Kerajaan untuk meninggikan lagi mutu pelajaran di negara kita ini lebih-lebih lagi di dalam usaha memberikan peluang istimewa kepada anak-anak orang miskin, anak-anak petani, anak-anak orang luar bandar memasuki persekolahan di peringkat menengah dan tinggi. Rakyat memberikan sanjungan yang tinggi kepada usaha-usaha ini. Dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran tetapi, Kementerian Pelajaran hendak mengkaji semula masalah ini dengan cara yang lebih teliti.

Baru-baru ini Kementerian telah pun mengumumkan bahawa mulai tahun 1984 pengambilan pelajar-pelajar dari luar bandar dari golongan yang berpendapatan rendah ke sekolah-sekolah berasrama penuh akan dinaikkan sehingga 60%. Ini adalah satu keputusan dan tindakan yang sungguh-sungguh menggalakkan dan disanjung tinggi. Tetapi sedarkah Kementerian ini akan masalah yang akan dihadapi oleh para ibu bapa yang datang dari golongan-golongan miskin

ini. Mereka menghadapi masalah yang sungguh berat untuk menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka di sekolah-sekolah berasrama penuh itu.

Saya berikan contoh. Bayaran persekolahan yang dikenakan bagi tiap-tiap pelajar di sekolah-sekolah berasrama penuh adalah seperti berikut:

Bagi Tingkatan Satu, jumlah bayaran setahun ialah \$456.

Bagi Tingkatan Dua dan Tiga \$432.

Bagi Tingkatan Empat, Lima dan Enam \$427.50.

Sedangkan bantuan biasiswa yang mereka terima, kalau yang ada mendapat biasiswa, jauh lebih kecil dari bayaran persekolahan yang terpaksa mereka bayar.

Misalnya pelajar yang menerima Biasiswa Kecil Anak-anak Melayu Perak bagi pelajar di negeri Perak, antara \$76 hingga \$96 setahun. Dan Biasiswa Kecil Persekutuan, antara \$180 hingga \$300 setahun. Inilah yang menjadi kesulitan kepada ibu bapa. Ibu bapa murid-murid yang datang daripada keluarga-keluarga miskin ini.

Kepada anak-anak yang datang dari golongan keluarga sederhana dan yang berpendapatan tetap, sudah tentulah ini tidak menjadi masalah walaupun mereka tidak diberikan biasiswa, mereka mampu untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka di sekolah berasrama penuh tersebut. Tetapi yang miskin ini tadi bahkan ada antara pelajar-pelajar ini yang sudah tidak mempunyai bapa ataupun anak yatim. Maka dengan bertambahnya lagi bilangan pelajar-pelajar dari golongan ini ke sekolah-sekolah asrama maka sudah tentulah masalah yang seperti ini akan bertambah besar yang akan dihadapi oleh pihak sekolah.

Di sini saya mencadangkan supaya rancangan ini tidak tergendala untuk menambah bilangan pelajar-pelajar dari golongan yang miskin ini tadi ke sekolah-sekolah berasrama, saya mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang seperti itu hendaklah diberikan bantuan yang lebih berpatutan ataupun diberikan bantuan penuh kepada mereka iaitu bolehlah berdasarkan seperti apa yang telah diberi kepada bantuan buku teks kepada pelajar-pelajar iaitu pelajar-pelajar yang sekian-sekian pendapatan ibu bapanya diberikan bayaran penuh ataupun dibantu penuh ke sekolah yang tersebut. Kalau ibubapa itu berpendapatan antara \$250 kepada \$500 misalnya, Kerajaan membantu separuh daripada bayaran yang dikenakan dan ibu bapa yang pendapatannya lebih daripada \$500 tidak diberikan bantuan. Ini mungkin akan dapat mengatasi masalah pelajar-pelajar yang saya sebutkan tadi.

Perkara ini saya menghadapi sendiri kerana salah sebuah sekolah berasrama penuh di Perak di mana saya menjadi Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru sentiasa berhadapan dengan masalah ini apabila pihak sekolah mengemukakan beberapa orang pelajar yang mungkin akan dikeluarkan daripada sekolah tersebut kerana tidak mampu menjelaskan bayaran persekolahannya sedangkan biasiswa yang diterima adalah terlalu kecil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ini juga, saya rasa mana-mana juga badan-badan lain yang pada hari ini sentiasa memberikan bantuan scholarship atau biasiswa kepada pelajar-pelajar supaya membantu Kementerian menampung perbelanjaan pelajar-pelajar yang miskin ini di sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lain saya ingin juga menyuarakan rintihan penduduk-penduduk luar bandar berhubung dengan kenaikan cukai hasil-hasil tanah yang baru

dilaksanakan oleh Kerajaan. Kenaikan hasil tanah ini sesungguhnya amat memeranjatkan penduduk-penduduk yang memiliki tanah-tanah di kawasan-kawasan kampung, tanah-tanah pertanian, tanah-tanah dusun dan sebagainya. Keluasan tanah yang dimiliki tidaklah seberapa mana dan kebanyakan tanah-tanah tersebut adalah menjadi pusaka daripada datuk nenek mereka turun-temurun dan dari hasil pendapatan tanah-tanah mereka tersebut hanyalah semata-mata untuk kehidupan keluarga. Jauh sekali dari harta untuk kekayaan.

Maka di sini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula pembayaran cukai tanah ini dan membuat suatu dasar baharu yang mungkin memberikan keistimewaan kepada tuan-tuan tanah yang memiliki tanah dusun, tanah pertanian yang keluasannya di bawah 10 ekar. Begitu juga dengan tapak rumah di kawasan-kawasan tersebut dikecualikan daripada membayar hasil yang tinggi. Tindakan ini sudah tentu akan dapat sambutan yang membanggakan dari rakyat dan meringankan beban kepada pemilik-pemilik tanah yang berkenaan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan golongan belia yang terdapat dalam negara kita. Belia adalah merupakan anggota masyarakat yang bilangannya terlalu besar. Bilangan ini akan meningkat dari setahun ke setahun yang kebanyakannya pula menjadi penganggur sama ada di desa atau di kota. Kita semua sedar bahawa mereka ini akan menjadi generasi yang akan mengendalikan negara di masa depan. Bilangan mereka yang besar ini seharusnya dapat perhatian bersungguh-sungguh dari Kerajaan. Kecuaian kita mengawal mereka inilah yang telah menyebabkan banyak di kalangan mereka yang telah menjadi liar, memasuki kumpulan-kumpulan jahat, penagih-penagih

dadah dan seribu satu macam kegiatan yang mereka lakukan yang mengancam keamanan negara dan akan menjadi anggota masyarakat yang pincang di masa depan.

Di sini saya ingin memberi sedikit pandangan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya mengambil daya usaha untuk melipatgandakan lagi usaha-usaha supaya dapat menampung kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan kumpulan-kumpulan belia yang menganggur ini. Dengan cara ini membolehkan mereka memenuhkan masa lapang dan mengurangkan bilangan pengangguran di samping mereka berusaha untuk mendapatkan pekerjaan. Bantuan-bantuan itu antaranya ialah bantuan kepada Projek Belia Niaga hendaklah dilipatgandakan dari bantuan yang ada pada hari ini supaya lebih ramai belia-belia ini dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Yang kedua, Projek Belia Peladang yang telah dibekukan pada tahun 1984 ini eloklah dipulihkan semula kerana ada kumpulan-kumpulan belia yang ingin menjalankan projek-projek menternak tidak berjaya dilaksanakan kerana tidak ada peruntukan.

Yang ketiga, peruntukan kepada bantuan-bantuan sukan hendaklah diadakan. Kalau sudah ada maka eloklah diperluaskan supaya memberi peluang kepada para belia terutama di kawasan-kawasan luar bandar ini menunjukkan bakat dan kebolehan mereka dalam bidang kesukanan yang mana pada hari ini adalah dibolot oleh belia-belia di kawasan bandar sahaja sedangkan bakat-bakat istimewa ini banyak terdapat di luar-luar bandar. Yang sangat penting untuk diambil tindakan ialah dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan bersukan seperti padang permainan, mini kompleks sukan, bantuan-bantuan peralatan sukan dan permainan dan yang lebih penting lagi ialah

memberikan latihan dan kursus kepada belia-belia yang mempunyai bakat dalam bidang yang dimiliki mereka. Dengan ini bakat-bakat yang ada pada belia-belia dalam bidang sukan di kawasan-kawasan terpencil ini tidak akan hilang begitu sahaja ibarat sebutir berlian yang jatuh keperlimbahan. Dan kemungkinan dengan adanya usaha ini bakat yang ada pada mereka dapat digunakan untuk meninggikan mutu sukan dan meninggikan lagi nama negara kita dalam bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dengan ringkas menyentuh bidang pertanian. Kerajaan baharu-baharu ini telah pun melancarkan Dasar Pertanian Negara iaitu yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak lama dahulu. Dasar Pertanian Negara ini telah menggariskan hasrat Kerajaan untuk menjamin kadar pertumbuhan sektor pertanian yang seimbang dan berterusan berbanding dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi negara. Dasar Pertanian Negara ini juga menggariskan panduan untuk pembangunan pertanian sehingga tahun 2,000, juga mengutarakan peranan penting sektor itu kepada ekonomi, halangan-halangan yang dihadapi dan strategi-strategi yang akan digunakan. Matlamat Dasar Pertanian negara ini ternyata akan menguntungkan pendapatan petani-petani, meninggikan pendapatan petani-petani, meninggikan taraf hidup mereka di samping memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Ini ternyata dari matlamat yang telah termaktub di dalam Dasar Pertanian Negara ini iaitu memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui pengguna sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan hasrat yang mulia ini sudah tentulah kita memerlukan

penglibatan yang bersungguh-sungguh dari segenap peringkat, dari peringkat Kementerian-kementerian yang ada hubungan dengan masalah pertanian, peringkat pegawai-pegawai (tinggi, pertengahan, rendah) Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan masalah pertanian dan kemajuan tanah juga para-para pemimpin masyarakat dan petani sendiri. Dasar ini tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya semua yang terlibat tidak menunjukkan kesungguhannya di dalam usaha melaksanakan program ini. Kecuaian pentadbiran yang berlaku di masa-masa yang lepas yang telah ditugaskan memajukan pertanian di masa-masa yang lepas telah menghampakan harapan rakyat dan telah banyak merugikan wang Kerajaan. Perubahan sikap dan semangat adalah sangat diperlukan ditanam setiap orang tidak kira kakitangan Kerajaan, pemimpin masyarakat, petani-petani supaya semangat mementingkan diri tidak ada di dalam menjayakan dasar ini. Apa yang perlu ialah semangat membantu Kerajaan menjayakan rancangan dan membantu rakyat miskin untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Saya amat menyanjung tinggi kepada setengah-setengah pegawai Kerajaan, khasnya yang terdapat di kawasan saya yang begitu banyak terdapat kawasan pertanian yang perlu usaha-usaha. Dan terdapat juga banyak tanah-tanah terbiar yang perlu dimajukan. Jadi, khidmat mereka yang cemerlang dan kemesraan mereka bergaul dengan para petani ini menjadi inspirasi kepada petani-petani untuk bekerja keras bagi menjayakan usaha pertanian mereka.

Satu perkara lagi yang sangat-sangat perlu pihak Kerajaan berhati-hati di dalam melaksanakan hasrat Dasar Pertanian negara ini ialah pengawalan terhadap para petani, peserta-peserta rancangan dan para pegawai-pegawainya supaya apa yang dilancarkan oleh Kerajaan benar-benar berjaya dan tiap-tiap mereka yang telah

mendapat nikmat daripada usaha-usaha ini tidak akan mempersia-siakan usaha-usaha yang baik daripada pihak Kerajaan itu. Kita tidak mahu berlaku seperti masa-masa yang lepas di mana rancangan-rancangan raksaksa dibuat oleh Kerajaan seperti pembukaan tanah FELDA dan berbagai-bagai lagi, oleh kerana kesilapan para pentadbir dan pemimpin di dalam melaksanakan programnya menimbulkan rasa kecewa, rasa kurang kepercayaan peneroka tersebut hingga kesempatan ini digunakan oleh pihak-pihak lain untuk meracuni jiwa mereka sehingga timbul dan terkumpulnyalah di daerah-daerah tersebut penentang-penentang Kerajaan.

Mungkin usaha-usaha yang telah dibuat itu banyak yang telah berjaya tetapi kesilapan yang sedikit telah merosakkan kejayaan yang banyak. Penat lelah Kerajaan dan beribu-beribu juta wang ringgit yang dicurahkan serta tenaga para pegawai pentadbir dan sebagainya, semua ini akan hilang yang akhirnya akan berkumpullah golongan-golongan rakyat yang menikam Kerajaan semula. Selalunya pihak-pihak yang mengambil kesempatan menghasut peneroka dan rakyat ini hanya memerhatikan kesilapan yang berlaku dan kelemahan pengurusan, mereka langsung tidak menyentuh tentang jasa-jasa, budi, kejayaan yang telah dibuat.

Oleh yang demikian, di dalam melaksanakan Dasar Pertanian Negara ini Kerajaan hendaklah benar-benar berhati-hati untuk menjayakannya, di samping itu sentiasa menamatkan semangat dan sikap kepada peneroka, peserta dan petani-petani akan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang mungkin dihadapi. Satu-satu rancangan itu tidak akan mendatangkan keuntungan dalam sekelip mata tetapi hendaklah diterangkan keuntungannya mengikut jangka panjang semoga usaha yang bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan Dasar Pertanian Negara ini akan mendatangkan faedah kepada negara dan juga kepada rakyat iaitu

semoga akan tinggillah pendapatan petani melalui usaha memajukan kebun-kebun dan tanah-tanah pertanian berasaskan kepada kecekapan pengeluaran, semoga memperbaiki kualiti hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar, juga meninggikan lagi pembangunan ekonomi dengan hasil pertanian yang akhirnya akan menambahkan peratus pendapatan negara di masa yang akan datang. Dan yang ketiganya menambah berlipat kali ganda lagi penggunaan tenaga buruh dalam negara bagi menampung pekerjaan kepada penganggur-penganggur yang meningkat tinggi di dalam negara kita.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada usaha-usaha yang baik daripada pihak Kerajaan dalam mengkaji semula Rancangan Malaysia Keempat dan juga menyusun beberapa rancangan demi kebaikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan ucapan terima kasih dan memberikan sokongan kepada Usul ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

*5.14 ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana berpeluang ikuti bersama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di tempoh hari, dalam ucapan-ucapannya banyak perkara-perkara yang boleh memberi kesedaran dan butiran-butiran yang telah

diucapkannya itu banyak tafsiran-tafsiran yang boleh ditafsirkan. Dengan adanya gambaran-gambaran yang telah dikemukakan oleh pihak Yang Amat Berhormat itu menandakan bahawa Kerajaan sungguh dan bersungguh-sungguh mengkaji dan meneliti bagaimana untuk memajukan negara dan rakyat kepada arah yang lebih maju dan bertamadun dari satu masa ke satu masa.

Di atas usaha-usaha Kerajaan sama ada yang telah ada dapat dirancang ataupun yang sedang dirancang boleh dikatakan banyak yang boleh kita bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala yang mana dengan usaha-usahanya itu telah diperkenankan oleh Allah dan semoga berlanjutanlah perkenan Allah itu buat selama-lamanya. Atas niat-niat Kerajaan dan cita-cita yang murni dan ikhlas itu semoga akan dapat dicapai dan sentiasa disanjungi oleh rakyat dan sentiasa berterima kasih serta berdoa ke hadrat Allah.

Satu-satunya sebagai arah baru yang dibawakan oleh Kerajaan kepada rakyat Malaysia ini ialah tentang satu dasar iaitu Dasar Pandang ke Timur. Tentang Pandang ke Timur ini, hari ini satu perkara baru terhadap rakyat Malaysia yang belum pernah ada sebelum ini. Oleh itu, dengan adanya perkara ini sebagai perkara baru tentu sekalilah berbunyi berbagai-bagai desus-desus daripada rakyat, daripada orang-orang politik, daripada parti-parti Pembangkang dalam mentafsirkan apakah itu Pandang ke Timur.

Dalam perkara Dasar Pandang ke Timur ini adalah suatu dasar yang sangat molek dan bagus. Oleh yang demikian pada saya, saya tidak hendak bercakap di dalam soal dasar, kerana dasar itu sudah sungguh molek di atas cita-cita Kerajaan, tetapi saya hendak bercakap di sini tentang pelaksanaan dasar khasnya pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur, ertinya Kerajaan

membuat dasar kemudian Kerajaan amanahkan kepada pegawai-pegawainya, kakitangan-kakitangan Kerajaan daripada se atas-atas hinggalah kepada ke bawah-bawahnya untuk menjalankan, memelihara dan menyuburkan dasar-dasar ini. Oleh yang demikian, tentang memelihara kesuburan dasar-dasar ini. Oleh yang demikian, tentang memelihara kesuburan dasar-dasar ini khasnya Dasar Pandang ke Timur, maka hendaklah dihalusi dengan yang paling cermat sekali. Sebab apa yang saya katakan begitu, tentu sekalilah pandangan-pandangan orang-orang bawahan ataupun rakyat jelata berlainan dengan pandangan-pandangan orang-orang atasan. Saya beri misal, secara kampung. Orang yang duduk atas kapal terbang pandang ke bawah lain daripada orang di bawah tengok kapal terbang sedang terbang, dia tidak sama. Begitu juga orang atasan pandang tidak sama dengan orang bawahan pandang. Oleh yang demikian, senget sesebuah rumah, condong sesebuah rumah bukan dinampak oleh orang yang berada dalam rumah tetapi orang yang duduk di bawah nampak rumah itu sengetkah, betulkah bagaimana kedudukannya itu. Oleh itu saya hendak bercakap ini dalam segi pandangan-pandangan orang bawahan ataupun pandangan-pandangan secara kampung-kampungan khasnya dalam segi pelaksanaan pandang ke timur ini. Sebagaimana apa yang saya sebutkan tadi tentang dasar pandang ke timur memang dasar yang paling molek dan boleh dipuji dan dicontohi. Cuma saya hendak sebutkan sedikit-sedikit ini ialah tentang perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini tentang pelaksanaan pandang ke timur. Dalam soal pandang ke timur sebagaimana apa yang saya sebutkan tadi, tetapi hari ini saya hendak beri contoh dasar yang dibuat oleh Kerajaan itu seolah-olah seperti seorang bijak pandai pergi memburu di dalam hutan belantara

maka berjayalah dia menangkap binatang-binatang gagah perkasa di dalam hutan yang payah dapat dipegang, ditangkap oleh orang lain seperti singa atau harimau. Hari ini dengan dasar pandang ke timur itu kita ambil Jepun dan Korea, kita tangkap mereka bawa balik ke Malaysia ini. Ini yang saya hendak cakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Minta jalan Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Boleh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Boleh. Silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat ada berkata bahawa dasar pandang ke timur bahawa kita tangkap singa Korea dan Jepun ke negara kita. Sebenarnya siapa tangkap siapa. Adakah kita sendiri terperangkap?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang menangkap harimau dan singa itu ialah terdiri daripada orang-orang tidak sekali berjaya hendak tangkap harimau melainkan orang-orang itu lebih gagah perkasa daripada harimau lagi. Oleh yang demikian tentang kita terperangkap atau kita tangkap, rasa saya biarlah saya huraikan dahulu satu persatu tentulah Yang Berhormat akan dapat tengok.

Hari ini saya misalkan kepada singa atau harimau tadi tujuannya ialah supaya rakyat Malaysia ini bekerja kuat sebagaimana gagah perkasa singa dan harimau. Itu tujuan. Dengan yang demikian kecergasan harimau dan gergasi tadi yang hendak difikirkan oleh Kerajaan ialah cara-cara kita lepaskan harimau itu ke Malaysia ini. Ada batas atau tidak ada batas, ada pengawalan

atau tidak ada pengawalan. Binatang-binatang apakah yang kita benarkan singa dan harimau itu tangkap. Adakah semua binatang-binatang yang ada di Malaysia ini boleh harimau dan singa itu jadi hero tangkap apa sahaja. Jepun dan Korea, adakah mereka bebas boleh pegang segala-segala projek yang ada dalam tanahair kita Malaysia? Ya, kita benarkan mereka pegang kesemuanya, tujuannya ialah untuk kita mencari keuntungan dan untuk membangunkan negara kita.

Itu tujuan dan matlamat, baik. Hari ini apabila kita telah sedar bahawa sanya kedua-dua ini gagah perkasa yang terkenal di dunia, ikhlas ataupun tidak ikhlas pula kedua-dua ini terhadap kita. Itupun kita hendak kena kaji. Kita benarkan singa tangkap seekor kambing ataupun seekor lembu bertujuan kita mahu berikan dagingnya itu. Hendak beri bagaimana? Singa separuh kita separuhkah? Harimau separuh kita separuhkah ataupun bagaimana? Yes, singa separuh kita separuh daging hasil yang ditangkap oleh singa tadi. Mahu tanya lagi. Singa separuh kita separuh, baik. Tentang sama berat timbangannya, singa dapat sekati kita dapat sekati. Mahu tanya pula dari segi kualitinya pula; daging yang engkau dapat wahai singa, daging bagaimana yang aku dapat daging bagaimana? Sama kualitikal ataupun engkau wahai singa engkau dapat daging merah, aku hanya dapat perut-perut itu sahaja atau telinga-telinga sahaja. Ya, sama berat timbangannya sekati seorang akan tetapi adakah si singa dapat daging merah, daging yang baik-baik sedangkan kita hanya dapat perut-perut sahaja?

Ini mahu dikaji, ini mahu ditengok oleh Kerajaan di atas kebebasan harimau dan singa yang kita lepas ke dalam negara kita hari ini.

Dengan yang demikian, tadi dalam ucapan Wakil dari Kemaman mengenai kedudukan orang Terengganu, masyhur

hari ini dikatakan Kuwait Malaysia, seolah-olah orang Terengganu hari ini rasa kembang apabila disebut Kuwait Malaysia. Akan tetapi benarlah sebagaimana apa yang dijelaskan oleh Wakil Kemaman tadi, namanya sahaja, hakikatnya orang Terengganu susah. Ya, jalan raya cantik. Lepas daripada Kuantan masuk Terengganu sahaja memang rasa boleh duduk sedap. Ya, jalan raya betul-betul, tetapi kalau sebulan hanya mendapat \$60 yang mempunyai anak 8 orang, berilah dia jalan permaidani sekalipun, mereka berjalan dengan lilihan air mata.

Hari ini singa dan harimau bermaharajalela di Terengganu kerana menangkap anak-anak kambing, anak-anak biri-biri, anak-anak ayam yang ada di Terengganu. Orang-orang Terengganu tengok harimau tangkap kambing, singa tangkap lembu—orang Terengganu tengok sahaja. Ada juga kasihan belas harimau itu memberi daging-daging, tetapi dia beri ekor sahaja untuk makan sup, daging-daging molek tidak dapat. Itu hakikat yang sebenar. Daging molek kita tidak dapat hanya dapatlah tulang-tulang rusuk, buat sup itu sahajalah. Boleh rasa. Maka dengan keadaan ini adakah Kerajaan reda bahawasanya dalam negara kita ini rakyat hanya dapat tulang-tulang rusuk, ekor-ekor sup sahaja? Sedangkan harimau dan singa makan daging-daging yang begitu molek, redakah Kerajaan? Rasa saya Kerajaan tidak reda dan adakah Kerajaan sedar atau tidak? Saya rasa Kerajaan sedar. Saya percaya Kerajaan sedang meneliti perkara-perkara ini dan saya yakin bahawa setengah Kerajaan akan tengok dan menghalusi sehinggalah akan tercapai rakyat Malaysia khususnya orang-orang Terengganu dalam PETRONAS ini akan dapat merasai daging yang baik-baik—insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya tidak bawa masuk singa dan harimau ke sini itu tidak jadi satu bahasanlah, itu

memang dasar kena, dasar tepat, iaitu dasar Pandang ke Timur, kalau misalan tidak payah masuk orang yang itu, memanglah tidak jadi satu kajian ataupun bawa orang yang itu, tetapi tidaklah bermaharajalela sangat. Hari ini di hotel-hotel mana sahaja hotel-hotel besar-besar ramai sangat orang-orang itu, kadang-kadang penuh bilik, hendak tumpang dudukpun susah, ini betul saya cakap. Maklumlah orang kalau sudah kita beri, kata orang sudah serah badan mula-mula dapat kaki, gosoklah kaki dahulu, selepas itu dapat betis, selepas itu dapat peha, selepas itu apa lagilah, ini sudah jadi tabiat manusia. Kalau si singa dan harimau itu tak mempunyai kebebasan di sini, itu tidak menjadi masalah, ini fasal bawa masuk, ini jadi satu perkara yang menjadi desas-desus. Misalnya kata beginilah orang hendak belajar bahasa Arab ataupun belajar bahasa Inggeris, Perancis dan sebagainya, ada orang dia belajar melalui buku dictionary dan sebagainya. Ada orang hendak boleh cepat pandai, dia mustahak cepat pandai, dia beli ibu Arab sendiri, dia kahwin bawa balik, itu dia beli kamus (dictionary) hidup orang panggil—ada begitu. Jadi kata orang ini soal Pandang ke Timur, kita beli dictionary hidup, orang masuk dalam negara ini, ini yang saya hendak bercakap.

Sekarang inilah kita kena persoalkan sebab ada jenis singa dan jenis harimau betul-betul pandai, dia tangkap seekor kerbau, dia kupas daging itu, dia makan daging, tulang-tulang itu dihimpunnya, tulang-tulang itu dihimpunnya setimbun sahaja—pandai betul. Maka si kita ini tengok bagusnyanya si harimau ini timbang rasa dekat aku, tinggal tulang dekat aku setimbun, baik betul.

Kita takut jadi begini, kita takut kekayaan ataupun hasil yang banyak-banyak hanya yang kita beri dekat kita timbun-timbunan tulang—itu yang kita takut ataupun beri timbangan yang berat, hah! ambillah engkau seekor

lembu, sebab hak yang aku tangkap, yang aku bagi engkau, engkau seekor lembu—ini betul, daripada ekornya sampai ke kepalanya didapati belulang sahaja, kulit, diraba-rabanya betullah macam seekor lembu, tetapi dalamnya tidak ada isi, ini kita takut. Dengan yang demikian saya percaya pihak Kerajaan amat sedar sebab-sebab yang saya cakap begitu, kerana hari ini desas-desus yang amat berbunyi sekali, tiap-tiap orang pemborong bercakap, tiap-tiap orang hendak minta kerja bercakap, tentu sekalilah orang atas-atasan tidak dengar perkara-perkara ini kerana orang-orang bawahan tidak pula hendak bercakap kepada orang-orang atasan, dia bercakaplah sama-sama gode-godanya dia itu. Maka sebab itulah saya bersuara dalam Parlimen ini, bertujuan apa? Bertujuan sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran yang bermaksud “Ingat mengingati kamu, bahawasanya ingat mengingati itu memberi manfaat kepada orang baik-baik”. Oleh yang demikian, soal ingat mengingati ini adalah menjadi kewajipan kita, asalkan tujuannya itu ialah tujuan membina, tak usahkan kita, Nabi Muhammad s.a.w. yang mulia-mulia makhluk daripada seluruh kejadian Allah s.w.t. lebih besar daripada pangkat Malaikat Jibril dan Malaikat-malaikat yang lain, tetapi sentiasa menerima pandangan-pandangan sahabat-sahabatnya dan sentiasa menerima pandangan-pandangan orang-orang berduit dan orang-orang kampung, inilah dimaksudkan ingat mengingati antara kita sesama kita.

Saya percaya bukan bererti Kerajaan tidak sedar, Kerajaan memang sedar dan saya percaya bagi pihak Kerajaan sungguh amat-amati dalam perkara ini dan oleh yang demikian perkara-perkara yang seumpama ini rasa saya apakah yang paling molek dalam pandangan sekecil saya ini? Apa sahaja projek-projek di negara kita ini, kita cuba beri kepada pemborong-pemborong negara kita berkuasa, kalau

projek itu terlampau besar, pemborong-pemborong itu didapati kecil, biarlah dicantumkan satu-satu projek besar tidak cukup 1, 2, 3, 4, 5 atau 10 pemborong, pegang atas satu projek yang besar itu, biar dia yang memegang anak kunci, jangan beri Jepun dan Korea pegang kunci, susah pada orang kita, hendak tumpang kerja pun susah. Ya diberinya sub-contract dan sebagainya, tetapi macam saya kata tadilah beri ekor, beri telinga untuk buat sup, itu sahaja. Dua, Jepun dan Korea ini masyhur di dunia, setengah-setengah orang Cina sendiri takut hendak berniaga dengan Jepun, dengan yang demikian itulah rasa saya pandangan-pandangan yang dapat saya beri dalam Dewan yang mulia ini, dalam jurusan-jurusan ini, dengan yang demikian, rasa saya di atas apa yang saya di atas apa yang saya tuturkan tadi semoga dapatlah kiranya menjadi satu pandangan yang agar dapat bagi pihak kita meneliti dalam soal adanya Jepun ataupun Korea dalam memegang projek-projek besar dalam tanahair kita ini.

Rasa saya memadamkan setakat ini saya sudah dan akhirnya saya sokong dengan penuh sokongan atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Malaysia.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.40 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat cuba mengemukakan arah-arab baru dari segi pembangunan dan pelaksanaan

strategi untuk mengambil kira kelemahan dan masalah struktur ekonomi Malaysia yang digambarkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang teruk dan bahawa butir-butir lanjut mengenai dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program mengenai pemikiran baru terhadap pembangunan akan dijelaskan dalam Rancangan Malaysia Kelima daripada tahun 1986 ke 1990.

Keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan telah menjadikan mustahil untuk mencapai sasaran-sasaran pertumbuhan utama Rancangan Malaysia Keempat dan ia juga telah mendedahkan masalah dan bahaya berhubung dengan struktur ekonomi Malaysia yang terlalu bergantung (over dependent).

Tranformasi struktur ekonomi Malaysia sepatutnya dilakukan terlebih lama dahulu, seperti juga arah-arrah baru dalam tugas pembinaan negara harus dilakukan terlebih lama dahulu. Ini adalah kerana Dasar Ekonomi Baru selepas ia berkuatkuasa lebih 13 tahun telah gagal dari 3 segi. Dasar Ekonomi Baru telah gagal dalam strategi pembangunan serampang dua matanya untuk mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan taraf pendapatan serta menambahkan peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat untuk membetulkan ketidakeimbangan ekonomi supaya mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Ia juga telah gagal dalam objektif utamanya untuk mencapai perpaduan negara.

Salah satu aspek Kajian Separuh Penggal ini yang menarik perhatian ialah percubaan perubahan buat pertama kali sejak pelancaran dasar

ekonomi dalam tahun 1970, satu percubaan untuk "down play" masalah kemiskinan di Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya ketika membentangkan usul Kajian Separuh Penggal pada hari Khamis lalu hampir-hampir menolak hakikat wujudnya kemiskinan di Malaysia dengan mengatakan bahawa kemiskinan di Malaysia adalah satu masalah "statistical" dalam percubaan beliau untuk menjelaskan bahawa kemiskinan mutlak isi rumah Malaysia yang hidup di bawah garis kemiskinan Kerajaan tidaklah mutlak sebenarnya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin bertindak dari segi pertahanan psikologi (psychological defences) dengan menyedari penuh bahawa angka-angka mengenai kemiskinan yang diberikan dalam Kajian Separuh Penggal adalah bercanggah dengan angka-angka mengenai kemiskinan yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri Kabinet 4 bulan dahulu.

Kajian Separuh Penggal menyatakan bahawa kadar kemiskinan yang menurun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 43.9% dalam tahun 1975 dan 29.2% dalam tahun 1980 telah meningkat sedikit sahaja kepada 30.3% dalam tahun 1983. Tetapi dalam bulan Disember lalu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang kemudian diikuti pula oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengumumkan angka-angka mengenai kemiskinan yang berlainan pula. Menurut mereka, satu kajian yang dijalankan dalam tahun 1982 oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU), Jabatan Perdana Menteri berdasarkan kepada garis kemiskinan sebanyak \$384 bagi seisi rumah 5 orang mendapati 42.8% penduduk-penduduk kita hidup di bawah garis kemiskinan. Perbezaan di antara angka-angka mengenai kemiskinan yang ditemui oleh SERU

dan Kajian Separuh Penggal bagi berbagai golongan sosio ekonomi adalah amat mengejutkan, misalnya:

	<i>RME</i> (1980)	<i>KSP</i> (1983)	<i>SERU</i> (1982)
Pekebun Kecil Getah.. ..	41.3%	61.1%	69.2%
Pekebun Kecil Kelapa Sawit..	7.7%	1.5%	56.3%
Pekebun Kecil Kelapa ..	38.9%	32.7%	77.6%
Pesawah Padi	52.7%	54.0%	76.2%
Nelayan ..	45.3%	44.7%	72.8%

Angka-angka yang diperolehi oleh SERU yang berbeza sangat dengan angka-angka Kajian Separuh Penggal telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan angka-angka tersebut telah pun disiarkan dalam suratkhbar.

Dalam sebuah forum bertajuk "Dasar Ekonomi Baru—Kebimbangan Menjelang Tahun 1990" yang diadakan di Universiti Sains Malaysia pada 10hb. Mac, lalu saya telah memetik angka-angka mengenai kemiskinan SERU itu, sementara wakil Kerajaan iaitu Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Sabbaruddin Chik pula telah memetik angka-angka mengenai kemiskinan daripada Rancangan Malaysia Keempat. Apabila saya menanya beliau di forum tersebut mana satu angka yang betul, beliau telah berkata bahawa tidak ada sebarang percanggahan kerana angka-angka Rancangan Malaysia Keempat adalah bagi tahun 1980, sementara angka-angka SERU adalah bagi tahun 1982. Dalam keadaan ini Kerajaan hendaklah memberi satu penjelasan yang terang dan memuaskan mengapa yang terdapat perbezaan di antara angka-angka mengenai kemiskinan terdapat dalam Kajian Separuh Penggal dengan angka-angka yang ditemui oleh SERU.

Sejak penggunaan garis kemiskinan oleh Rancangan Malaysia Ketiga, kredibilitinya telah dipersoalkan kerana data yang digunakan untuk menggariskan garis kemiskinan tidak pernah didedah dan disebabkan itu ia boleh dimanipulasikan dari segi perangkaan. Sekiranya Kerajaan gagal memberi satu penjelasan yang "credible", mengapa wujudnya percanggahan di antara angka-angka Kajian Separuh Penggal dan SERU. Maka segala credibility ke atas garis kemiskinan Kerajaan akan hancur.

Dalam pada itu, dakwaan yang dibuat oleh Kajian Separuh Penggal bahawa keadaan kemiskinan pada keseluruhannya di Sabah dan Sarawak telah bertambah baik hendaklah dihadapi dengan ragu-ragu, terutama sekali kerana Jadual ¼ menunjukkan bahawa keadaan kemiskinan Sabah telah menurun daripada 58.3% dalam tahun 1976 kepada 41.1% dalam tahun 1979 dan ia telah selanjutnya menurun kepada 29.2% dalam tahun 1982. Sementara di Sarawak pula keadaan kemiskinan telah menurun daripada 56.5% dalam tahun 1976 kepada 47% dalam tahun 1979 dan 31.3% dalam tahun 1982.

Memandangkan kedua-dua Sabah dan Sarawak boleh menurunkan keadaan kemiskinan sebanyak kira-kira 25 hingga 29 percentage points dalam jangka masa hanya enam tahun, sedangkan perancang-perancang di Semenanjung Malaysia masih sedang bersusah payah untuk menurunkan keadaan kemiskinan sebanyak 20 percentage points selepas 13 tahun, mungkin perancang-perancang di Semenanjung Malaysia patut dihantar ke Sabah dan Sarawak untuk mempelajari teknik-teknik daripada rakan-rakan sejawat mereka yang lebih efektif, yang lebih berkesan di Sabah dan Sarawak yang pasti merupakan perancang-perancang anti-kemiskinan yang paling berjaya di dunia ini.

Sekali lagi kecuali Kerajaan mengumumkan data-data untuk menerangkan garis kemiskinan bagi Sabah dan Sarawak, dakwaan yang dibuat oleh Kajian Separuh Penggal bahawa keadaan kemiskinan di kedua-dua negeri tersebut telah menurun secara fenomenal mungkin tidak boleh dipercayai. Satu kegagalan besar Dasar Ekonomi Baru dalam matlamatnya untuk memerangi kemiskinan ialah ia tidak menghiraukan masalah ketidak-saksamaan pendapatan (equality of income) dan konsep relatif kemiskinan di mana kejayaan membasmikan kemiskinan membayangkan aspek distributional yang menuntut bukan sahaja pendapatan orang-orang miskin ditingkatkan secara mutlak tetapi juga ia harus dipertingkatkan relatif kepada tahap pendapatan purata.

Hanya sekali sahaja Kerajaan telah menyentuh betapa perlunya pendapatan diagihkan semula iaitu semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua dalam tahun 1973 di mana ia sebut bahawa kekurangan pengagihan pendapatan yang tidak adil antara golongan-golongan pendapatan dan kaum antara salah satu daripada tujuh dasar-dasar, program-program dan projek-projek bertujuan mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru seperti terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 20 tahun daripada 1970-1990.

Kerajaan juga telah menggunakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua untuk memberi beberapa angka mengenai pengagihan pendapatan di Semenanjung Malaysia yang menunjukkan bahawa dalam tahun 1970, kira-kira 60% isi rumah di Semenanjung Malaysia memperolehi pendapatan kurang dari \$200 setiap bulan. Dalam tahun 1970, 1/10 isi rumah atasan membolot kira-kira 40% daripada jumlah pendapatan yang diterima dalam ekonomi, sementara 2/5 isi rumah yang terbawah sekali hanya menerima 12% daripada jumlah pendapatan.

Ketidaksaksamaan dalam pengagihan pendapatan di Malaysia walaupun terdapat kadar pertumbuhan ekonomi dan pendapatan per kapita yang tinggi boleh juga dibuktikan semasa tempoh 1957 hingga 1970 di mana 5% daripada penduduk atasan telah menambahkan bahagian jumlah pendapatan mereka dari 22% hingga 28% dan 40% daripada penduduk bawahan telah mengalami kemerosotan dalam bahagian jumlah pendapatan mereka yang jatuh dari 15.7% kepada 11.7%. Sebenarnya 5% isi rumah atasan ini telah memperolehi pendapatan yang lebih daripada jumlah pendapatan 60% isi rumah bawahan dalam tahun 1970.

Saya pasti Kerajaan mempunyai angka-angka terbaru mengenai pengagihan pendapatan dan kekayaan di kalangan berbagai kelas sosial akan tetapi Kerajaan tidak mahu mengumumkan angka-angka ini kerana Kerajaan tidaklah berkemited untuk membasmikan kemiskinan dan ketidak-saksamaan dalam pengagihan pendapatan. Kerajaan akan berasa embarass sekiranya rakyat mengetahui bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru, ketidak-saksamaan dalam sesuatu kaum khususnya di kalangan komuniti Melayu telah bertambah buruk. Kerajaan juga akan berasa embarass sekiranya data mengenai peratusan kecil orang-orang Melayu yang berfaedah dan menjadi jutawan segera atau dengan izin, instant millionaires di bawah Dasar Ekonomi Baru dengan merugikan massa Melayu lain menjadi harta benda awam.

Semasa perbincangan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua, saya telah mencadangkan bahawa Dasar Ekonomi Baru sepatutnya mempunyai objektif rancangan 20 tahun untuk mencipta sebuah masyarakat yang lebih saksama dengan memastikan bahawa dalam tahun 1990, 40% isi rumah Malaysia yang terbawah sekali, yang termiskin sekali akan menguasai sekurang-kurangnya 3% daripada jumlah pendapatannya. Tetapi

malangnya saranan saya itu tidak diendahkan langsung. Berbagai-bagai kajian telah menunjukkan bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru perbezaan pendapatan khususnya di dalam setiap golongan ethnik telah bertambah buruk. Dengan penemuan yang didapati oleh kajian SERU pula mengenai kemiskinan dalam tahun 1982, maka kemiskinan mutlak dan relatif kira-kira separuh isi rumah di Semenanjung Malaysia pasti telah bertambah buruk.

Peruntukan-peruntukan yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat untuk matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru juga merupakan satu petanda akan kecenderungan Dasar Ekonomi Baru terhadap orang-orang Melayu yang kaya berbanding dengan orang-orang Melayu yang miskin. Maka dalam ketiga-tiga rancangan Dasar Ekonomi Baru, sejumlah \$9,319 juta telah diperuntukkan untuk program pembasmian kemiskinan yang melibatkan kira-kira 50% isi rumah di Semenanjung Malaysia sementara sejumlah \$4,397 juta telah diperuntukkan dalam tempoh yang sama untuk menyusun semula masyarakat yang hanya akan menguntungkan kira-kira 5% orang-orang Melayu untuk menjadikan mereka jutawan segera.

Tambahan pula, orang-orang yang beruntung daripada rancangan-rancangan anti kemiskinan ini tanpa diadakan perubahan-perubahan struktural dalam bidang ekonomi seperti reformasi tanah bagi sektor menanam padi bukanlah orang-orang yang benar-benar miskin tetapi orang-orang yang kaya yang mempunyai kedudukan baik untuk menikmati faedah daripada rancangan-rancangan tersebut. Inilah sebabnya mengapa sungguhpun lebih \$2 billion telah dibelanjakan oleh Kerajaan sejak Merdeka di dalam sektor padi dan pengeluaran padi telah melipat ganda lebih tiga kali, namun 76.2% pesawah-pesawah menurut SERU atau 54%

menurut Kajian Separuh Penggal masih dianggap sebagai golongan miskin yang hardcore yang hidup di bawah garis kemiskinan.

Sebagai salah satu daripada strategi baru pembangunan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pesawah-pesawah akan mencantumkan bidang tanah yang kecil dan tidak berekonomi untuk dijadikan estet padi yang akan diselenggarakan sebagai koperatif di mana pemilik tanah akan mendapat saham dalam estet mengikut saiz tanahnya.

Apa yang menghairankan ialah suatu kajian rasmi yang dijalankan bersama oleh Universiti Sains Malaysia dan MADA (Muda Agricultural Development Authority) mengenai hak milik tanah di kawasan Perairan MUDA yang telah berjalan selama enam tahun dari 1975 hingga 1981 telah memperakukan supaya cadangan memperkenalkan pertanian berkelompok di kalangan pesawah padi untuk mengatasi kemiskinan mutlak yang berterusan yang membabitkan sebilangan besar isi rumah pesawah padi di kawasan MUDA harus tidak dilakukan walaupun penanaman padi dua kali setahun telah dilaksanakan dengan jayanya.

Sebelum Dewan yang mulia ini meluluskan cadangan baru Kerajaan untuk mewujudkan skim estet koperatif di sektor padi, kita patutlah mengendahkan cadangan-cadangan dan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh Kajian Lanjutan Hak Milik Tanah USM-MADA itu termasuk pandangan-pandangannya mengenai pertanian berkelompok atau apa yang dicadangkan sekarang ialah secara estet koperatif dan saya minta izin untuk buat satu petikan daripada laporan itu iaitu dalam bahasa Inggeris oleh kerana laporan dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

Ini mengenai Group Farming, apa yang disebut sebagai Group Farming.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Apa tajuk buku itu? Sebutkan nama buku itu atau kajian itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kajian ini disebutkan "Kajian Lanjutan Hak Milik Tanah di Perairan MUDA" yang dijalankan oleh satu kumpulan yang terdiri daripada Universiti Sains Malaysia dan MADA sendiri:

#### Group Farming

"Efforts to promote group farming among padi growers in Malaysia are a recent policy initiative which is still at the pilot stage. However, given the design of the projects and the way they are being implemented, we feel that they are likely to be of little, if any, benefit to small farmers. The basic reason for this is that the projects do not appear to be economically sound.

"What they appear to be in fact are State farms on which the former padi farmers (or rather a few of them) are at most employed as agricultural labourers. The majority of former farmers (and in some cases all of them) are not employed at all and do not take part in the management of the farm. This is in the hands of government agricultural staff. Overheads and operating expenses are high, especially if fully accounted, and returns do not appear to match them.

Thus Government has had to subsidise these projects rather heavily. Even then, however, they have not improved the situation of small farmers very much. This is because the return to the "farmer participant" has been in proportion to the amount of land he contributed to the project. Thus those with only small amounts

to contribute, have obtained only small returns, and those with nothing to contributed i.e. former tenants, have not received anything except possibly wages for seasonable labour.

Without a preceding or accompanying increase and equalization in the size distribution of farms such a program even if heavily subsidized will be of little benefit to small farmers and may even aggravate the position of small tenants.

This would be the case even if the farms were managed and operated collectively by the owners of the padi land, as long as they stood to benefit according to the proportion of the land they owned."

Kajian tersebut juga menolak kemungkinan.....

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat, ada yang minta jalan, boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh ya! oleh kerana ada pengalaman mengenai estet farming.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Persilakan.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, bahawa satu kajian oleh pihak swasta di atas sebuah tanah 3,000 ekar di kawasan pilihanraya Hilir Perak yang hutan dan daripada perjanjian yang telah dibuat—minta maaf kepada Wakil dari Kota Melaka, kalau ingin hendak dengarlah—kepada Koperasi 3% daripada hasil jualan padi atau lain-lain hasil tanaman, pada tiap-tiap kali pengeluaran. Bagi tanaman padi yang dimaksudkan ialah termasuk subsidi jualan padi. Peratusan pembayaran ini dikaji semula setelah infrastruktur dan fasa pembangunan telah dijalankan dengan baik dan sempurna, itu yang pertama.

Kedua, zakat kepada amil yang ditauliahkan oleh Jabatan Agama Negeri Perak di atas hasil padi yang cukup nisab pada tiap-tiap musim pengeluaran. Dengan izin, this is paid by the company to the people.

Ketiga, melalui Koperasi kepada tiap-tiap tuan tanah yang didaftarkan yang tanah mereka diusahakan, mereka dibayar \$200 setiap ekar setahun dalam fasa pembangunan, dan melalui Koperasi kepada tiap-tiap tuan-tuan tanah yang didaftar di mana tanah mereka diusahakan dibayar \$200 setiap ekar di setiap musim dalam dan semasa penanaman.

Jadi, kalau 5 ekar tanah, dia dapat \$1,000. Hari ini kalau dia pajak tanah, dia dapat \$500. Kepada tuan tanah sendiri mendapat \$1,000 satu musim, kepada Koperasi sendiri mendapat 3% daripada hasil penjualan padi. Jadi kalau 3,000 ekar tanah pendapatan lebih kurang \$1.4 juta. 3% adalah dianggarkan sebagai \$45,000 dapat kepada Koperasi. Jadi adakah ini merugikan, sepertimana yang dibaca oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka? Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat ada menyebut itu satu kajian private study, dan kedua saya tidak tahu mengenai kedudukan di Hilir Perak, tetapi kajian yang sebut khasnya mengenai kawasan perairan MUDA bergantung kepada keadaan di mana pesawah-pesawah padi menghadapi satu masalah tanah yang tidak berekonomik, saiz yang kecil. Mungkin di Hilir Perak ada keadaan yang berbeza dan kalau saya tidak silap, saya ada dengar bahawa di Hilir Perak, kawasan itu adalah kawasan yang terbuka, di mana tidak ada masalah-masalah tradisional. Kalau kita sebut mengenai kawasan-kawasan yang terbuka tentulah lain-lain kiraan akan diambil. Tetapi sekarang di sini satu masalah besar ialah masalah-masalah petani-petani di Kedah, khasnya di kawasan-kawasan di

MADA, dan tentulah Yang Berhormat bersetuju bahawa, dengan izin, different considerations prevail.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Ingin saya menambah sedikit. Jadi bukanlah menyeluruh, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kalau kita hendak membuat tuduhan pun biarlah bahawa estet padi ini bukan maknanya di seluruh Malaysia merupakan satu kerugian. Ada tempat-tempat yang tertentu. Kalau hendak buat atas bukit, atas gunung, memanglah estet padi ini tidak menguntungkan. Tetapi kita tengoklah hendak buat estet padi itu biarlah di tempat-tempat yang sesuai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi ada satu masalah yang saya harap pun bahawa Yang Berhormat lain kali dengarlah, apabila berucap khasnya saya terhad mengenai kepada contoh di MADA oleh kerana di MADA kita dapati Dewan yang mulia ini pun ada meluluskan peruntukan-peruntukan beberapa kali yang berbillion-billion ringgit, tetapi akhirnya mereka yang miskin lebih-lebih miskin. Dan kalau mengenai experimental pilot project di kawasan yang baharu untuk menggunakan cara-cara pertanian moden itu lain hal, itu lain-lain keadaan.

Tetapi saya rasa Yang Berhormat pun akan mengakui bahawa sampai sekarang perusahaan atau ikhtiar-ikhtiar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan sektor padi di Kedah satu kegagalan yang besar, satu kegagalan yang tidak boleh dibandingkan dalam Malaysia.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak bersetuju.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kata tidak bersetuju, mana guna, beri angka-angka, beri fakta-fakta mengenai MADA. Baik, dia sudah setuju. Saya ingin menyambung.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kajian tersebut juga menolak kemungkinan mengatakan oleh kerana MADA, dengan izin, rice-bowl granary yang terbesar sekali di Malaysia, Hilir Perak adalah tempat yang kecil mengenai production padilah.

Kajian tersebut juga menolak kemungkinan mengadakan pembaharuan dalam undang-undang untuk mengawal penyewaan dan "security of tenure" untuk melindungi pesawah-pesawah kecil yang menyewa tanah dan untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan mereka kerana semua undang-undang mengenai pembaharuan penyewaan untuk mengawal tahap sewa serta memastikan "security of tenure" para penyewa tanah dalam sektor menanam padi yang diluluskan seawal tahun 1955 telah tidak berkesan disebabkan kuasa politik besar yang dipunyai oleh pemilik-pemilik tanah untuk menghalang pelaksanaannya.

Kajian tersebut merumuskan bahawa sebab-sebab asas mengapa wujudnya secara lanjutan kemiskinan mutlak yang meningkat di kalangan pesawah-pesawah padi di kawasan MADA ialah kerana terdapat bilangan pesawah-pesawah padi yang terlalu ramai yang mana bilangan tersebut kian meningkat dan akibat dari itu terdapat terlalu banyak bidang tanah yang terlalu kecil untuk menghasilkan pendapatan yang mengatasi garis kemiskinan luar bandar bagi isi rumah-isi rumah berkenaan. Dan dengan itu penyelesaiannya ialah dengan mengadakan penyusunan semula operasi pemilikan dan pengusahaan tanah padi kepada pesawah-pesawah kecil termasuk pesawah-pesawah yang menyewakan tanah dan buruh pertanian yang tak bertanah.

Penyusunan atau distribution semula perbedakan pemilikan dan pengusahaan tanah pertanian di mana kini ia

diberbedakan secara tidak saksama akan menemui matlamat mewujudkan kecekapan dan equiti. Pengeluaran dijangka akan bertambah dengan pembedakan tanah pertanian dengan cara lebih adil kerana penghasilan adalah lebih tinggi di dalam ladang-ladang kecil dengan syarat terdapat persamaan dalam mendapatkan input, teknologi dan kredit baru.

Akan juga terdapat keadilan sosial yang lebih baik akibat pembedakan tanah pertanian dengan lebih saksama kerana pemilikan tanah-tanah seumpama itu merupakan faktor yang maha penting berhubung dengan pendapatan isirumah dalam masyarakat-masyarakat pertanian yang "predominant". Dari segi praktikal, ini akan bermakna pengenaan siling (maximum ceiling) ke atas pemilikan dan pengusahaan tanah padi oleh manamana isirumah serta ke atas pemilikan tanah padi oleh ahli-ahli dari isirumah-isirumah yang tidak mengusahakannya.

Kajian tersebut juga telah mendapati bahawa terdapat tanah padi yang cukup di kawasan Skim MUDA untuk membolehkan setiap penanam padi, selepas penyusunan semula perbedakan pemilikan kepada pesawah-pesawah kecil dan buruh pertanian tak bertanah dilakukan tertakluk kepada siling per kapita yang sesuai untuk memiliki tanah yang cukup untuk menyediakan tahap kehidupan yang cukup bagi setiap isirumah.

Menurut satu anggaran kajian tersebut menghitung bahawa kira-kira \$384 juta akan dikehendaki oleh kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembaharuan tanah seumpama itu dengan membayar gantirugi kepada pemilik-pemilik tanah yang terlibat itu.

Apabila kita mengambil kira bahawa Kerajaan telah membelanjakan lebih \$608 juta dalam bentuk subsidi padi sejak tahun 1980, maka jelaslah rancangan reformasi tanah akan dalam jangka masa panjang menguntungkan pesawah-pesawah padi sendiri dan juga adalah murah bagi negara pula.

Maka dengan sebab ini, Partai DAP menyeru kerajaan menghadapi sebab-sebab akar umbi yang menyebabkan kemiskinan mutlak yang berlarutan dan kian meningkat di kalangan pesawah-pesawah padi dengan mengadakan satu rancangan distribution semula tanah yang harus dilaksanakan sebelum cadangan untuk mewujudkan penanaman berkelompok padi secara estet kooperatif dilaksanakan.

Akan tetapi apa yang menjadi rintangan ialah sama ada kerajaan akan mempunyai kemahuan politik untuk membantu orang-orang miskin kerana tuannya-tuannya tanah yang terlibat itu merupakan tulang belakang tradisi UMNO dan memegang jawatan-jawatan pimpinan di berbagai peringkat partai.

Satu lagi tanda hitam akan menjejaskan matlamat anti kemiskinan Dasar Ekonomi Baru ialah satu "blind spot" yakni membutakan diri kepada masalah kemiskinan sejagat yang berlaku di kalangan semua kaum, sungguhpun pengumuman matlamat tersebut telah termasuk pengiktirafan bahawa kemiskinan tanpa mengira kaum harus dihapuskan.

Dari segi praktis, kemiskinan di kalangan golongan-golongan bukan Melayu hampir-hampir tidak dihiraukan dan orang-orang miskin yang terdiri

dari golongan bukan Melayu dibiarkan semata-mata untuk mencari ikhtiar untuk membantu diri sendiri semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971. Rancangan Malaysia Kedua telah membahagikan ekonomi Malaysia ke dalam lima sektor:

- (1) Sektor luar bandar tradisi;
- (2) Sektor luar bandar moden;
- (3) Sektor Bandar tradisi;
- (4) Sektor Bandar moden; dan
- (5) Sektor Kerajaan.

Dan ia juga mengenalpasti sektor luar bandar tradisi serta sektor bandar tradisi di mana kira-kira 60% daripada pekerja-pekerja didapati sebagai sektor yang menerima pendapatan yang paling rendah sekali, yang menderita sangat akibat ketidakseimbangan ekonomi. Sektor tradisi luar bandar yang terdiri daripada kebun-kebun kecil getah yang tidak ekonomik, padi tanaman sekali setahun, ternakan tradisional dan lain-lain pertanian pengumpulan hasil-hasil keluaran hutan, perikanan dekat pantai, pengguna dulang dan pelombongan timah dengan menggunakan pam kelikir.

Sektor bandar moden tradisional terdiri dari bahagian-bahagian pembuatan, pembinaan, perniagaan dan pengangkutan dan perkhidmatan di mana pekerjaan telah dilaksanakan dengan pertolongan kelengkapan dan teknik yang paling sedikit yang termasuk adalah artisan, peniaga-peniaga kecil, penjaja-penjaja, penolong-penolong rumahtangga, pembawa beca dan pekerja-pekerja lain yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan kepakaran atau latihan permulaan yang sedikit atau langsung tidak diperlukan.

Mengikut Rancangan Malaysia Kedua, bilangan Melayu yang terlibat dalam sektor luar bandar tradisional melebihi bukan Melayu dengan faktor 3:1 tetapi di sektor bandar tradisional kedudukan adalah sebaliknya. Walaupun Rancangan Malaysia Kedua telah mengumumkan bahawa mereka hidup dalam kemiskinan terutama sekali di dalam sektor bandar tradisional dan sektor luar bandar tradisional ekonomi mesti dilengkapi dengan latihan dan resoses-resoses yang diperlukan untuk membaiki kedudukan ekonomi mereka.

Di dalam 13 tahun kebelakangan ini, kerajaan telah mengabaikan kedudukan masyarakat bukan Melayu yang miskin di dalam kedua-dua sektor ini. Termasuklah memberikan mereka peluang-peluang berlebihan ke dalam pendidikan tinggi melalui biasiswa-biasiswa dan dermasiswa di kolej-kolej dan universiti-universiti di Malaysia dan di luar negeri yang ada dijamin dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Sikap blind spot ini jugalah yang telah menyebabkan kegagalan salah satu daripada serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru yakni penyusunan semula masyarakat dalam objektifnya membasmikan identifikasi kaum dengan pekerjaan atau lokasi disebabkan cara pelaksanaannya yang begitu selektif. Walaupun salah satu daripada janji Dasar Ekonomi Baru yang paling penting bahawa ia akan dilaksanakan supaya menjamin bahawa tiada satu-satu golongan yang akan mengalami apa-apa kerugian atau merasakan dirinya dinafikan sesuatu di dalam proses ini, hakikatnya adalah bahawa satu generasi rakyat Malaysia muda sedang membesar dengan perasaan telah dinafikan hak-hak pendidikan, ekonomi, politik, kebudayaan dan kewarganegaraan masing-masing.

Satu ciri paling ketara tentang Rancangan Malaysia Lima Tahun dan laporan-laporan kajian separuh penggal setakat ini adalah bahawa ketidakseimbangan ekonomi hanya dialami di mana wujud kurangan penemuan atau representation Melayu sama ada dalam bentuk jadual atau charts atau teks laporan-laporan tersebut di bidang mana wujud kelebihan penemuan atau over representation orang Melayu laporan-laporan tersebut membisu atau tidak mendalaminya Rancangan Malaysia Ketiga Tahun 1976 misalnya telah memberi satu seksyen yang khas tajuknya timbangan kaum dengan pelajaran di mana telah disyaratkan bahawa dalam tempoh 1971 kepada 1975 penyertaan atau share orang bumiputera kepada total enrolment dalam institusi-institusi tertiary tempatan telah bertambah daripada 50% kepada 65% atau daripada 6,622 kepada 20,547 manakala bahagian penuntut-penuntut Malaysia lain ialah orang bukan Melayu telah menurun daripada 50% kepada 35% atau daripada 6,702 kepada 10,982.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini telah meninggalkan seksyen ini semua sekali. Walaupun ia telah memberi satu perpecahan enrolment di dalam pendidikan institusi-institusi pendidikan tempatan tertiary dan di luar negeri. Jika kita mencontohi Rancangan Malaysia Ketiga dan ketepikan angka-angka bagi institusi-institusi tempatan swasta serta institusi-institusi luar negeri dan hanya menumpukan kepada institusi-institusi Kerajaan seperti universiti-universiti tempatan, politeknik-politeknik, Institut Teknologi MARA dan Kolej Tunku Abdul Rahman oleh kerana ada menerima bantuan daripada Kerajaan, kita akan mendapati bahawa ketidakseimbangan dalam enrolment antara penuntut-penuntut bumiputera dan bukan

bumiputera telah meningkat dengan seriusnya. Dengan menggunakan angka-angka enrolment pengajian tinggi yang diulangkaji (revise) seperti yang

diberikan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, kita akan mendapati jumlah angka-angka enrolment seperti berikut:

#### BAGI KURSUS-KURSUS SIJIL, DIPLOMA DAN IJAZAH

<i>1970</i>	<i>Sijil</i>	<i>Diploma</i>	<i>Ijazah</i>	<i>Tertiary</i>
Bumiputera	151	2,871	3,084	6,106-53.7%
Cina	209	393	3,752	4,354-38.3%
India	9	32	559	600- 5.3%
Lain-lain	—	22	282	304- 2.7%
Jumlah ..	369	3,318	7,677	11,364

<i>1980</i>	<i>Sijil</i>	<i>Diploma</i>	<i>Ijazah</i>	<i>Tertiary</i>
Bumiputera	1,590	11,427	13,604	26,621-73.0%
Cina	907	1,993	5,161	8,601-22.1%
India	96	161	1,193	1,450- 0.4%
Lain-lain	10	21	34	265- 0.7%
Jumlah ..	2,603	13,602	20,192	36,937

<i>1983</i>	<i>Sijil</i>	<i>Diploma</i>	<i>Ijazah</i>	<i>Tertiary</i>
Bumiputera	2,480	18,570	19,143	40,193-73.0%
Cina	1,628	2,479	7,865	11,972-21.7%
India	158	250	1,967	2,375- 4.3%
Lain-lain	5	42	485	532- 0.1%
Jumlah ..	4,271	21,341	29,460	55,072

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1970 kepada 1983, enrolment pelajar-pelajar bumiputera di dalam institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang dibiayai oleh Kerajaan telah bertambah dari 53.7% kepada 73% atau dari 6,106 kepada 40,193 yang merupakan pertambahan 658%.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang esok hari Selasa, 3hb April, 1984 pada jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*